

PENGAMALAN KOMPETENSI DALAM KALANGAN PENSYARAH  
PENDIDIKAN ISLAM INSTITUT PENDIDIKAN GURU DI MALAYSIA

MOHD NASRI BIN ABDULLAH

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENGAMALAN KOMPETENSI DALAM KALANGAN PENSYARAH  
PENDIDIKAN ISLAM INSTITUT PENDIDIKAN GURU DI MALAYSIA

MOHD NASRI BIN ABDULLAH

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi  
syarat penganugerahan ijazah  
Doktor Falsafah

Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia

JULAI 2017

## DEDIKASI

*Dedikasi teristimewa buat Ayahanda Hj. Abdullah bin Mat Noor dan Bonda Hjh. Pok binti Mustafa. Jasa kalian mendidik anakanda sangat besar dan tak mampu anakanda balas. Semoga ruh bonda dan ayahanda dilimpahi rahmat.*

*Al-Fatihah*

*Dedikasi istimewa juga isteriku Siti Hanani binti Ismail, jutaan terima kasih atas sokongan dan kasih sayang sepanjang aku menyelesaikan pengajian ini. Untuk anak-anakku Nawwar Rusydina, Nawwar Raihah, dan Nawwar Raudhah semoga kejayaan ayahanda ini menjadi pendorong kepada kalian untuk lebih berjaya dalam pengajian dan kehidupan.*

*Untuk ayahanda dan bonda mertua Hj Ismail Mosnan dan Hjh Aminah Hassan, juga diucapkan jutaan terima kasih kerana sentiasa memberi semangat dan mendoakan kejayaan anakanda. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada semua adik beradik yang banyak mendoakan kejayaan ini.*

## PENGHARGAAN

Pertamanya saya bersyukur kehadiran Allah S.W.T yang telah memberikan saya kesihatan, kekuatan minda dan ketabahan untuk menyiapkan penulisan tesis ini. Terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Dr Kamarul Azmi bin Jasmi dan Dr Sulaiman bin Shakib, atas kesabaran dan kesungguhan membimbing saya. Tidak dilupakan kepada Tn Hj Omar bin Abdul yang banyak memberi pandangan dan tunjuk ajar sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan pengajian ini, Puan Sofiah Mohamed, Puan Ruhayati, dan Puan Fazlulaini kerana sentiasa memberi motivasi dan semangat kepada saya.

Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada Tn Rektor IPGM, Pengarah-pengarah IPG Kampus. Ketua-ketua jabatan JaPIM, pensyarah-pensyarah, pelajar-pelajar yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penyelidikan ini. Jutaan terima kasih juga kepada anak didik yang secara langsung menyumbang idea dan pandangan, iaitu Naquiah, Nur Ain, Nurul Syafikah, Aimi, Nazreen, Nurul Syammim, dan Adha. Semoga Allah S.W.T membalas jasa kalian.

Akhir sekali, perjalanan menimba ilmu ini tidak akan berjaya tanpa sokongan daripada isteri dan anak-anak tersayang.

## ABSTRAK

Keberkesanan dalam mendidik bakal guru sangat berkait rapat dengan kesungguhan pensyarah mengamalkan dan mempertingkatkan segala kompetensi yang ada dalam melaksanakan amanah sebagai pendidik. Pensyarah yang kompeten mampu membangunkan potensi bakal guru secara menyeluruh agar menjadi guru yang berkualiti di sekolah tempat mereka berkhidmat kelak. Kajian ini bertujuan mengkaji ciri pengamalan kompetensi Pensyarah Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru (PPIIPG) di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Seramai lapan orang Pensyarah Pendidikan Islam (PPI), 16 orang rakan sejawat, 16 orang pelajar, dan lapan orang ketua jabatan terlibat dalam kajian ini. Data verbatim temu bual merupakan data utama yang disokong oleh data pemerhatian dan data analisis dokumen. Semua data dianalisis menggunakan perisian N'Vivo 10 untuk mengenal pasti tema dan sub-sub tema. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan ciri pengamalan kompetensi pensyarah yang menjadi pola adalah dalam aspek keilmuan, keperibadian, kemahiran pengajaran dan pembelajaran, bimbingan dan penyeliaan praktikum, penyelidikan dan inovasi, serta perkhidmatan dan konsultasi. Pola-pola dapatan dalam kajian ini telah menghasilkan tujuh model PPIIPG, iaitu Model Pengamalan Kompetensi Kualiti Keperibadian (MPKKK-PPIIPG), Model Pengamalan Kompetensi Keilmuan dan Kepakaran (MPKIK-PPIIPG), Model Pengamalan Kompetensi Pengajaran dan Pembelajaran (MPKPP-PPIIPG), Model Pengamalan Kompetensi Bimbingan Penyeliaan Praktikum (MPKBPP-PPIIPG), Model Pengamalan Kompetensi Penyelidikan dan Inovasi (MPKPI-PPIIPG), Model Pengamalan Kompetensi Perkhidmatan dan Konsultasi (MPKPK-PPIIPG), dan juga Model Utama Kompetensi (MK-PPIIPG). Implikasi dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan kepada semua pihak khususnya kepada pensyarah di Institut Pendidikan Guru Malaysia, Institusi Pengajian Tinggi, Jemaah Nazir, Jabatan Pelajaran Negeri, sekolah, dan para pendidik.

## ABSTRACT

The efficacy in educating trainee teachers is closely related to the determination of lecturer in practising and enhancing every competency they possess while teaching. Competent lecturers are able to develop trainee teachers' potential holistically so that these trainees become quality teachers in schools later on. The purpose of this study was to investigate the traits of competency, practised by the Islamic Education Lecturers of Teachers' Training Colleges (IELTTC) in Malaysia. This study utilised full qualitative paradigm with a case study design. Participants of the study were eight Islamic Education Lecturers (IELs), sixteen of IEL colleagues, sixteen students and eight head of departments. The main source of data was verbatim interview, supported by observation and document analysis. NVivo 10 was used to analyse all three types of qualitative data so that themes and sub themes could be identified systematically. In general, the findings of this study has focused characteristics of lecturers' practice of competency from the following aspects: knowledge, personality, teaching and learning skills, guidance and practicum supervision, research and innovation, and service and consultation. Findings from this study produced seven IELTTC models which were Personal Quality Competency Practice Model (PQPCM-IELTTC), Expertise and Knowledge Competency Practice Model (EKCPM-IELTTC), Teaching and Learning Competency Practice Model (TLCPM-IELTTC), Guidance and Practicum Supervision Competency Practice Model (GPSCPM-IELTTC), Innovation and Research Competency Practice Model (IRCPM-IELTTC), Consultation and Service Competency Practice Model (CSCPM- IELTTC), and also Primary Competency Model (PCM- IELTTC). The implications of this study could become a guide to many parties particularly to lecturers at Malaysia Teachers' Training Institutes, the Ministry of Higher Education, Inspectorate of Schools, State Education Departments, schools as well as educators.

## KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PERAKUAN</b>	ii
	<b>DEDIKASI</b>	iii
	<b>PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
	<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xix
	<b>SENARAI TRANSLITERASI</b>	xxiv
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xxv
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Kajian	4
	1.2 Pernyataan Masalah	8
	1.3 Objektif Kajian	15
	1.4 Persoalan Kajian	16
	1.5 Kepentingan Kajian	17
	1.6 Kerangka Teori Kajian	20
	1.7 Kerangka Konseptual Kajian	23
	1.8 Batasan Kajian	25
	1.9 Definisi Operasional	26

	1.9.1	Pengamalan	26
	1.9.2	Kompetensi	27
	1.9.3	Pensyarah	27
	1.9.4	Pensyarah Pendidikan Islam	28
	1.9.5	Keperibadian	28
	1.9.6	Keilmuan	29
	1.9.7	Pengajaran & Pembelajaran	30
	1.9.8	Bimbingan Praktikum	30
	1.9.9	Penyelidikan & Inovasi	31
	1.9.10	Perkhidmatan & Konsultasi	32
	1.10	Kesimpulan	32
<b>2</b>		<b>KAJIAN KEPUSTAKAAN</b>	<b>33</b>
	2.1	Pendahuluan	33
	2.2	Dasar, Falsafah, Standard, Budaya dan Model Konseptual dan Peta Strategik IPG	33
	2.2.1	Dasar Pendidikan Kebangsaan	34
	2.2.2	Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)	35
	2.2.3	Falsafah Pendidikan Islam (FPI)	37
	2.2.4	Falsafah Pendidikan Guru (FPG)	38
	2.2.5	Standard Guru Malaysia (SGM)	39
	2.2.6	Model Konseptual Pendidikan Guru	41
	2.2.7	Budaya Institut Pendidikan Guru	42
	2.2.8	Peta Strategik Institut Pendidikan Guru	45
	2.3	Konsep Kompetensi Profesionalisme Cemerlang	47
	2.3.1	Pensyarah Kompeten Menurut Sarjana Pendidikan	49
	2.3.2	Teori Dan Model Pensyarah Menurut Sarjana Barat	49
	2.3.3	Teori Dan Model Pendidik Cemerlang Menurut Sarjana Islam	57
	2.4	Kompetensi Pensyarah Pendidikan Islam	63
	2.4.1	Kualiti Keperibadian	64
	2.4.2	Keilmuan dan Kepakaran	67



2.4.3	Pengajaran dan Pembelajaran	69
2.4.4	Amalan Profesional	72
2.4.5	Penyelidikan dan Inovasi	76
2.4.6	Perkhidmatan dan Konsultasi	77
2.5	Kajian-Kajian Lepas	78
2.5.1	Kajian Dalam Negara	79
	2.5.1.1 Kajian Dalam Negara Bidang Umum	79
	2.5.1.2 Kajian Dalam Negara Bidang Pendidikan Islam	82
2.5.2	Kajian Luar Negara	88
2.6	Kesimpulan	92
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>93</b>
3.1	Pendahuluan	93
3.2	Pendekatan Kajian	93
	3.2.1 Kajian Kes	95
3.3	Lokasi Kajian	96
3.4	Pemilihan Sampel Kajian	97
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	99
	3.5.1 Proses Pembinaan Inventori Protokol Temu Bual	100
	3.5.2 Pengumpulan Data Temu bual	101
	3.5.3 Pengumpulan Data Pemerhatian	103
	3.5.4 Pengumpulan Data Analisis Dokumen	104
3.6	Pentadbiran Kajian Sebenar	106
3.7	Tatacara Penganalisan data	110
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	113
	3.8.1 Pengesahan Inventori Protokol Temu Bual	115
	3.8.2 Kajian Rintis	115
	3.8.3 Nota Lapangan	116
	3.8.4 Diari Pengkaji	117
	3.8.5 Triangulasi Data	117
	3.8.6 Pengesahan Responden Terhadap Data Temu Bual	118

	3.8.7	Pengesahan Pakar Terhadap Tema Melalui Cohen Kappa	118
	3.8.8	Indeks Data	119
	3.9	Kesimpulan	120
<b>4</b>		<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>121</b>
	4.1	Pendahuluan	121
	4.2	Latar belakang responden utama	122
	4.2.1	Latar belakang PPI	122
	4.3	Dapatan Analisis Tema Untuk Koding Terbuka	132
	4.3.1	Kualiti Keperibadian	133
	4.3.1.1	Kualiti Sahsia	133
	4.3.1.2	Kualiti Komunikasi	172
	4.3.2	Keilmuan dan Kepakaran	184
	4.3.2.1	Keilmuan dan Pengamalan	184
	4.3.2.2	Kepakaran dan Pengamalan	192
	4.3.2.3	Kaedah Mendalami Ilmu dan Kepakaran	193
	4.3.3	Amalan Pengajaran dan Pembelajaran	195
	4.3.3.1	Pengetahuan Kurikulum	195
	4.3.3.2	Pelaksanaan Pengajaran	197
	4.3.3.3	Kaedah dan Teknik Pengajaran	219
	4.3.4	Amalan Bimbingan Praktikum	224
	4.3.5	Amalan Penyelidikan dan Inovasi	238
	4.3.6	Amalan Perkhidmatan dan Konsultasi	243
	4.4	Dapatan Analisis Tema Untuk Koding Axial (Axial Coding)	245
	4.4.1	Koding Axial Amalan Kualiti Keperibadian	246
	4.4.2	Koding Axial Amalan Keilmuan dan Kepakaran	248
	4.4.3	Koding Axial Amalan Pengajaran dan Pembelajaran	250
	4.4.4	Koding Axial Amalan Bimbingan Penyeliaan Praktikum	252

4.4.5	Koding Axial Amalan Penyelidikan dan Inovasi	254
4.4.6	Koding Axial Amalan Perkhidmatan dan Konsultasi	255
4.5	Dapatan Analisis Tema Untuk Koding Terpilih (Selective Coding )	257
4.6	Kesimpulan	259
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	<b>260</b>
5.1	Pendahuluan	260
5.2	Rumusan	260
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	261
5.3.1	Kompetensi Amalan Kualiti Keperibadian	262
5.3.2	Kompetensi Amalan Keilmuan dan Kepakaran	274
5.3.3	Kompetensi Amalan Pengajaran dan Pembelajaran	277
5.3.4	Kompetensi Amalan Bimbingan Penyeliaan Praktikum	282
5.3.5	Kompetensi Amalan Penyelidikan dan Inovasi	287
5.3.6	Kompetensi Amalan Perkhidmatan dan Konsultasi	290
5.4	Impak Kajian dan Cadangan Sumbangan Kajian	293
5.4.1	Impak Kajian	293
5.4.1.1	Penghasilan Model Pengamalan Kompetensi Kualiti Keperibadian PPI	294
5.4.1.2	Penghasilan Model Pengamalan Kompetensi Keilmuan dan Kepakaran PPI	295
5.4.1.3	Penghasilan Model Pengamalan Kompetensi Pengajaran dan Pembelajaran PPI	296

5.4.1.4	Penghasilan Model Pengamalan Kompetensi Bimbingan Penyeliaan Praktikum PPI	297
5.4.1.5	Penghasilan Model Pengamalan Kompetensi Penyelidikan dan Inovasi PPI	298
5.4.1.6	Penghasilan Model Pengamalan Kompetensi Perkhidmatan dan Konsultasi PPI	299
5.4.1.7	Penghasilan Model Utama Kompetensi Pensyarah Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru	301
5.4.1.8	Formula Penghasilan Model Utama Kajian	303
5.4.2	Cadangan Sumbangan Hasil Kajian	304
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	305
5.5.1	Kajian Baru PPI Dengan Melibatkan Perbezaan Peserta Kajian Dan Metodologi	306
5.5.2	Kajian Pembinaan Instrumen Penilaian Kompetensi Pensyarah Pendidikan Islam IPG.	306
5.5.3	Kajian Tentang Keilmuan Pensyarah Pendidikan Islam IPG Secara Khusus	307
5.5.4	Kajian Tentang Amalan Pengajaran Pensyarah Pendidikan Islam Secara Khusus.	307
5.5.5	Kajian Tentang Amalan Bimbingan Penyeliaan Praktikum Pensyarah Pendidikan Islam Secara Khusus.	308
5.5.6	Kajian Tentang Penyelidikan Pensyarah Pendidikan Islam IPG Secara Khusus.	308
5.5.7	Kajian Pembinaan Modul Peningkatan Kompetensi Pensyarah Pendidikan Islam IPG.	309
5.6	Penutup	309

**RUJUKAN**

**310**

Lampiran A-O

337 - 352

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
3.1	Tempoh Pengumpulan Data Lapangan di IPG Yang terlibat	109
3.2	Penggunaan label untuk responden dan jenis data	110
3.3	Senarai Pakar Kualitatif Analisis Persetujuan Tema	112
3.4	Indikator Tahap Persetujuan Cohen Kappa	119
4.1	Perbandingan Latar Belakang PPI1 – PPI8	121
4.2	Kualiti Keperibadian PPI di IPGK1-IPGK8	132
4.3	Sahsiah PPI di IPGK1-IPGK8	133
4.4	Sahsiah PPI terhadap Allah di IPGK1 – IPGK8	133
4.5	Sahsiah PPI Terhadap Diri Sendiri di IPGK1 – IPGK8	139
4.6	Sahsiah PPI Terhadap Pelajar di IPGK1-IPGK8	147
4.7	Sahsiah Terhadap Rakan Sejawat di IPGK1-IPGK8	159
4.8	Komunikasi PPI di IPGK1-IPGK8	171
4.9	Komunikasi Lisan PPI di IPGK1-IPGK8	172
4.10	Komunikasi Bukan Lisan PPI di IPGK1-IPGK8	180
4.11	Keilmuan dan Kepakaran PPI di IPGK1-IPGK8	183
4.12	Keilmuan dan Pengamalan PPI di IPGK1-IPGK8	184
4.13	Kepakaran dan Pengamalan PPI di IPGK1-IPGK8	191
4.14	Kaedah Mendalami Ilmu dan Kepakaran PPI di IPGK1-IPGK8	193
4.15	Pengetahuan Kurikulum PPI di IPGK1-IPGK8	195
4.16	Amalan Merancang Pengajaran PPI di IPGK1-IPGK8	197
4.17	Amalan Kemahiran Set Induksi PPI di IPGK1-IPGK8	198

4.18	Amalan Kemahiran Penerangan Pengajaran PPI di IPGK1-IPGK8	200
4.19	Amalan Kemahiran Variasi Rangsangan PPI di IPGK1-IPGK8	203
4.20	Amalan Kemahiran Penyoalan PPI di IPGK1-IPGK8	204
4.21	Amalan Kemahiran Peneguhan PPI di IPGK1-IPGK8	206
4.22	Amalan Kemahiran Menutup Pengajaran PPI di IPGK1-IPGK8	208
4.23	Amalan Kemahiran Penggunaan Papan tulis PPI di IPGK1-IPGK8	210
4.24	Amalan Kemahiran Penggunaan Bahan Bantu Mengajar PPI di IPGK1-IPGK8	211
4.25	Amalan Kemahiran Pengawalan Kelas PPI di IPGK1-IPGK8	215
4.26	Amalan Kemahiran Interaksi Semasa Pengajaran PPI di IPGK1-IPGK8	216
4.27	Amalan Kemahiran Penilaian dan Pentaksiran PPI di IPGK1-IPGK8	218
4.28	Kaedah dan Teknik Pengajaran PPI di IPGK1-IPGK8	219
4.29	Amalan Bimbingan Praktikum PPI di IPGK1-IPGK8	223
4.30	Bimbingan Sebelum Penyeliaan PPI di IPGK1-IPGK8	223
4.31	Penilaian Semasa Pengajaran PPI di IPGK1-IPGK8	224
4.32	Perbincangan Pasca Pengajaran PPI di IPGK1-IPGK8	229
4.33	Amalan Penyelidikan dan Inovasi PPI di IPGK1-IPGK8	237
4.34	Amalan Perkhidmatan dan Konsultasi PPI di IPGK1-IPGK8	242

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
1.1	Kerangka Teoritikal Kajian Pengamalan Kompetensi Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) Institut Pendidikan Guru Malaysia	21
1.2	Kerangka Konseptual Kajian Pengamalan Kompetensi PPI IPG	24
2.1	Model Standard Guru Malaysia (SGM)	40
2.2	Model Konseptual Pendidikan Guru	41
2.3	Peta Strategik Institut Pendidikan Guru	46
2.4	Model Triangle of Success Philip Van Hooser	50
2.5	Model Pendidik Berkesan E. K. McEwan	53
2.6	Model Pensyarah Berkesan Rogers	54
2.7	Model Gaya Pengajaran Grasha	56
2.8	Model Kompetensi <i>Iceberg</i> Hay McBer	57
2.9	Model Pendidik al-Ghazali	58
2.10	Model Pendidik Cemerlang Mohammad Shatar	59
2.11	Model Pengajaran Pembelajaran GCPI Kamarul Azmi	60
2.12	Model Ilmu dan Amalan GCPI Kamarul Azmi	61
2.13	Model Keperibadian Cemerlang GCPI Kamarul Azmi	62
2.14	Model Kemahiran Kecekapan GCPI Kamarul Azmi	63
2.15	Model Prestasi Guru Pendidikan Islam Darwyan Syah	91
3.1	Persampelan kajian PPI IPGM	99
3.2	Prosedur Pengumpulan Data Temu bual, Pemerhatian dan Analisis Dokumen Kajian PPI IPGM	106
3.3	Proses Analisis Data Kajian Kompetensi PPI IPG	111



4.1	Koding Axial Kompetensi Kualiti Keperibadian PPI IPGK1-IPGK8	245
4.2	Koding Axial Amalan Kompetensi Keilmuan & Kepakaran PPI IPGK1-IPGK8	247
4.3	Koding Axial Amalan Kompetensi Pengajaran & Pembelajaran PPI IPGK1-IPGK8	249
4.4	Koding Axial Amalan Kompetensi Bimbingan Penyeliaan Praktikum PPI IPGK1-IPGK8	251
4.5	Koding Axial Amalan Kompetensi Penyelidikan & Inovasi PPI IPGK1-IPGK8	253
4.6	Koding Axial Amalan Kompetensi Perkhidmatan & Konsultasi PPI IPGK1-IPGK8	254
4.7	Koding Terpilih Amalan Kompetensi PPI IPGK1-IPGK8	256
5.1	Hubungan Pola Pengamalan Kompetensi Pensyarah Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru Malaysia	260
5.2	Model Pengamalan Kompetensi Kualiti Keperibadian Pensyarah Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru (MPBKKK-PPIIPG)	293
5.3	Model Pengamalan Kompetensi Keilmuan Dan Kepakaran Pensyarah Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru (MPBKIK-PPIIPG)	294
5.4	Model Pengamalan Kompetensi Pengajaran & Pembelajaran Pensyarah Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru (MPBKPP-PPIIPG)	295
5.5	Model Pengamalan Kompetensi Bimbingan Penyeliaan Praktikum Pensyarah Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru (MPBKBPP-PPIIPG)	296
5.6	Model Pengamalan Kompetensi Penyelidikan Dan Inovasi Pensyarah Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru (MPBKPI-PPIIPG)	297
5.7	Model Pengamalan Kompetensi Perkhidmatan Dan Konsultasi Pensyarah Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru (MPBKPK-PPIIPG)	298

5.8	Model Utama Kompetensi Pensyarah Pendidikan Islam Institut Pendidikan Guru (MK-PPIIPG)	300
5.9	Formula Penghasilan Model Utama Kajian Pengamalan Kompetensi PPI IPG	302
5.10	Cadangan Sumbangan Hasil Kajian	303

**SENARAI SINGKATAN**

%	-	Peratus
&	-	Dan
/	-	Atau
AD	-	Analisis Dokumen
ADP1	-	Analisis Dokumen Pensyarah Pendidikan Islam Satu
ADP2	-	Analisis Dokumen Pensyarah Pendidikan Islam Dua
ADP3	-	Analisis Dokumen Pensyarah Pendidikan Islam Tiga
ADP4	-	Analisis Dokumen Pensyarah Pendidikan Islam Empat
ADP5	-	Analisis Dokumen Pensyarah Pendidikan Islam Lima
ADP6	-	Analisis Dokumen Pensyarah Pendidikan Islam Enam
ADP7	-	Analisis Dokumen Pensyarah Pendidikan Islam Tujuh
ADP8	-	Analisis Dokumen Pensyarah Pendidikan Islam Lapan
AJK	-	Ahli Jawatankuasa
APC	-	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
BBM	-	Bahan Bantu Mengajar
Bil.	-	Bilangan
BPDT	-	Borang Pengesahan Data Temu Bual
BPDP	-	Borang Pengesahan Data Pemerhatian
BPDAD	-	Borang Pengesahan Data Analisis Dokumen
BPRS	-	Borang Persetujuan Responden Sokongan
BPRU	-	Borang Persetujuan Responden Utama
BPG	-	Bahagian Pendidikan Guru
BPI	-	Bahagian Pendidikan Islam
BPPDP	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
CPD	-	<i>Continuous Professional Development</i>
dll	-	dan lain-lain

DP	-	Diari Pengkaji
DPPPI1	-	Diari Pengkaji Pensyarah Pendidikan Islam Satu
DPPPI2	-	Diari Pengkaji Pensyarah Pendidikan Islam Dua
DPPPI3	-	Diari Pengkaji Pensyarah Pendidikan Islam Tiga
DPPPI4	-	Diari Pengkaji Pensyarah Pendidikan Islam Empat
DPPPI5	-	Diari Pengkaji Pensyarah Pendidikan Islam Lima
DPPPI6	-	Diari Pengkaji Pensyarah Pendidikan Islam Enam
DPPPI7	-	Diari Pengkaji Pensyarah Pendidikan Islam Tujuh
DPPPI8	-	Diari Pengkaji Pensyarah Pendidikan Islam Lapan
Dr.	-	Doktor
dsb	-	dan sebagainya
DVD	-	<i>Digital Video Disc or Digital Versatile Disc</i>
et al.	-	<i>(et alia): and others</i>
FPK	-	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPG	-	Falsafah Pendidikan Guru
FPI	-	Falsafah Pendidikan Islam
G1P1	-	Pelajar Satu Pensyarah Pendidikan Islam Satu
G1P2	-	Pelajar Satu Pensyarah Pendidikan Islam Dua
G1P3	-	Pelajar Satu Pensyarah Pendidikan Islam Tiga
G1P4	-	Pelajar Satu Pensyarah Pendidikan Islam Empat
G1P5	-	Pelajar Satu Pensyarah Pendidikan Islam Lima
G1P6	-	Pelajar Satu Pensyarah Pendidikan Islam Enam
G1P7	-	Pelajar Satu Pensyarah Pendidikan Islam Tujuh
G1P8	-	Pelajar Satu Pensyarah Pendidikan Islam Lapan
G2P1	-	Pelajar Dua Pensyarah Pendidikan Islam Satu
G2P2	-	Pelajar Dua Pensyarah Pendidikan Islam Dua
G2P3	-	Pelajar Dua Pensyarah Pendidikan Islam Tiga
G2P4	-	Pelajar Dua Pensyarah Pendidikan Islam Empat
G2P5	-	Pelajar Dua Pensyarah Pendidikan Islam Lima
G2P6	-	Pelajar Dua Pensyarah Pendidikan Islam Enam
G2P7	-	Pelajar Dua Pensyarah Pendidikan Islam Tujuh
G2P8	-	Guru Pelatih Dua Pensyarah Pendidikan Islam Lapan
ICT	-	<i>Information and Communication Technology</i>

IPGK1	-	Institut Pendidikan Guru Kampus Satu
IPGK2	-	Institut Pendidikan Guru Kampus Dua
IPGK3	-	Institut Pendidikan Guru Kampus Tiga
IPGK4	-	Institut Pendidikan Guru Kampus Empat
IPGK5	-	Institut Pendidikan Guru Kampus Lima
IPGK6	-	Institut Pendidikan Guru Kampus Enam
IPGK7	-	Institut Pendidikan Guru Kampus Tujuh
IPGK8	-	Institut Pendidikan Guru Kampus Lapan
IPGM	-	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPTA	-	Institut Pendidikan Tinggi Awam
IPTB	-	Inventori Protokol Temu Bual
IPTS	-	Institut Pendidikan Tinggi Swasta
JAPIM	-	Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral
JPN	-	Jabatan Pelajaran Negeri
JSU	-	Jadual Spesifikasi Ujian
KDPM	-	Kursus Diploma Perguruan Malaysia
KPLI	-	Kursus Perguruan Lepas Ijazah
KJ	-	Ketua Jabatan
KJP1	-	Ketua Jabatan Pensyarah Pendidikan Islam Satu
KJP2	-	Ketua Jabatan Pensyarah Pendidikan Islam Dua
KJP3	-	Ketua Jabatan Pensyarah Pendidikan Islam Tiga
KJP4	-	Ketua Jabatan Pensyarah Pendidikan Islam Empat
KJP5	-	Ketua Jabatan Pensyarah Pendidikan Islam Lima
KJP6	-	Ketua Jabatan Pensyarah Pendidikan Islam Enam
KJP7	-	Ketua Jabatan Pensyarah Pendidikan Islam Tujuh
KJP8	-	Ketua Jabatan Pensyarah Pendidikan Islam Lapan
KSPK	-	Kursus Sijil Perguruan Khas
L	-	Lelaki
LCD	-	<i>Liquid Crystal Display</i>
LDP	-	Latihan Dalam Perkhidmatan
NL	-	Nota Lapangan
NLP1	-	Nota Lapangan Pensyarah Pendidikan Islam Satu
NLP2	-	Nota Lapangan Pensyarah Pendidikan Islam Dua

NLP3	-	Nota Lapangan Pensyarah Pendidikan Islam Tiga
NLP4	-	Nota Lapangan Pensyarah Pendidikan Islam Empat
NLP5	-	Nota Lapangan Pensyarah Pendidikan Islam Lima
NLP6	-	Nota Lapangan Pensyarah Pendidikan Islam Enam
NLP7	-	Nota Lapangan Pensyarah Pendidikan Islam Tujuh
NLP8	-	Nota Lapangan Pensyarah Pendidikan Islam Lapan
P	-	Perempuan
PPI	-	Pensyarah Pendidikan Islam
PPI1	-	Pensyarah Pendidikan Islam Satu
PPI2	-	Pensyarah Pendidikan Islam Dua
PPI3	-	Pensyarah Pendidikan Islam Tiga
PPI4	-	Pensyarah Pendidikan Islam Empat
PPI5	-	Pensyarah Pendidikan Islam Lima
PPI6	-	Pensyarah Pendidikan Islam Enam
PPI7	-	Pensyarah Pendidikan Islam Tujuh
PPI8	-	Pensyarah Pendidikan Islam Lapan
PP1	-	Pemerhatian Pensyarah Pendidikan Islam Satu
PP2	-	Pemerhatian Pensyarah Pendidikan Islam Dua
PP3	-	Pemerhatian Pensyarah Pendidikan Islam Tiga
PP4	-	Pemerhatian Pensyarah Pendidikan Islam Empat
PP5	-	Pemerhatian Pensyarah Pendidikan Islam Lima
PP6	-	Pemerhatian Pensyarah Pendidikan Islam Enam
PP7	-	Pemerhatian Pensyarah Pendidikan Islam Tujuh
PP8	-	Pemerhatian Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam Lapan
PPISMP	-	Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan
Prof.	-	Profesor
PM	-	Profesor Madya
R1P1	-	Rakan Sejawat Satu Pensyarah Pendidikan Islam Satu
R1P2	-	Rakan Sejawat Satu Pensyarah Pendidikan Islam Dua
R1P3	-	Rakan Sejawat Satu Pensyarah Pendidikan Islam Tiga
R1P4	-	Rakan Sejawat Satu Pensyarah Pendidikan Islam Empat
R1P5	-	Rakan Sejawat Satu Pensyarah Pendidikan Islam Lima
R1P6	-	Rakan Sejawat Satu Pensyarah Pendidikan Islam Enam

R1P7	-	Rakan Sejawat Satu Pensyarah Pendidikan Islam Tujuh
R1P8	-	Rakan Sejawat Satu Pensyarah Pendidikan Islam Lapan
R2P1	-	Rakan Sejawat Dua Pensyarah Pendidikan Islam Satu
R2P2	-	Rakan Sejawat Dua Pensyarah Pendidikan Islam Dua
R2P3	-	Rakan Sejawat Dua Pensyarah Pendidikan Islam Tiga
R2P4	-	Rakan Sejawat Dua Pensyarah Pendidikan Islam Empat
R2P5	-	Rakan Sejawat Dua Pensyarah Pendidikan Islam Lima
R2P6	-	Rakan Sejawat Dua Pensyarah Pendidikan Islam Enam
R2P7	-	Rakan Sejawat Dua Pensyarah Pendidikan Islam Tujuh
R2P8	-	Rakan Sejawat Dua Pensyarah Pendidikan Islam Lapan
SAW	-	<i>Sallallah 'Alaihi Wa Sallam</i>
SWT	-	<i>Subhanahu wa Ta'ala</i>
SLP	-	Surat Lantikan Pakar
SPRU	-	Surat Perlantikan Responden Utama
SPRS	-	Surat Perlantikan Responden Sokongan
TB	-	Temu Bual
TP1	-	Temu Bual Pensyarah Pendidikan Islam Satu
TP2	-	Temu Bual Pensyarah Pendidikan Islam Dua
TP3	-	Temu Bual Pensyarah Pendidikan Islam Tiga
TP4	-	Temu Bual Pensyarah Pendidikan Islam Empat
TP5	-	Temu Bual Pensyarah Pendidikan Islam Lima
TP6	-	Temu Bual Pensyarah Pendidikan Islam Enam
TP7	-	Temu Bual Pensyarah Pendidikan Islam Tujuh
TP8	-	Temu Bual Pensyarah Pendidikan Islam Lapan
t.th	-	tanpa tarikh
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	-	Universiti Malaya
UPM	-	Universiti Putra Malaysia
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia

## SENARAI TRANSLITERASI

Ejaan kalimah Arab berdasarkan kepada sistem transliterasi berikut:

Huruf Arab	Transliterasi	Huruf Arab	Transliterasi
ا	a/ʾa	ض	ḍ
ب	b	ط	t
ت	t	ظ	ẓ
ث	th	ع	‘
ج	j	غ	gh
ح	ḥ	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	و	w/u
ش	sh	ه	h
ص	ṣ	ي	y

Huruf panjang dalam ejaan Arab menggunakan transliterasi berikut:

Huruf Arab	Transliterasi
ا	ā
و	ī
ي	ū



## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A.	Contoh Surat Pengesahan Pelajar	338
B.	Contoh Surat Permohonan Menjalankan Penyelidikan di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)	339
C.	Contoh Surat Kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)	340
D.	Contoh Surat Kebenaran daripada Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)	341
E.	Contoh Surat Permohonan Menjalankan Penyelidikan di Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK).	342
F.	Contoh Surat Pelantikan Responden Utama	343
G.	Contoh Surat Pelantikan Responden Sokongan	344
H.	Contoh Borang Persetujuan Responden	345
I.	Contoh Borang Persetujuan Responden Sokongan	346
J.	Contoh Borang Pengesahan dan Persetujuan Responden Terhadap Transkrip Data Temu Bual Contoh Borang Pengesahan dan Persetujuan Pakar Terhadap Tema Data Kualitatif	347
K.	Contoh Surat Lantikan Pakar (SLP)	348
L.	Contoh Halaman Diari Pengkaji (DP) Contoh Halaman Nota Lapangan (NL)	350
M.	Contoh Inventori Protokol Temu Bual (IPTB)	351
N.	Contoh Halaman Nota Lapangan	352
O.	Contoh Inventori Protokol Temu Bual	353

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.0 Pendahuluan**

Pendidikan adalah merupakan asas penting dalam membina masyarakat yang berilmu, bertamadun serta pembinaan negara bangsa. Pendidikan yang bermutu dan berkualiti merupakan pemangkin kepada usaha membangunkan generasi alaf baru yang cemerlang. Oleh itu, sistem pendidikan negara perlu diberi perhatian supaya usaha yang strategik, dinamik, dan komprehensif boleh dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan dan kemampuan amalannya ke peringkat kualiti yang tinggi dan cemerlang (Muda, 2011).

Sistem pendidikan perlu berubah selaras dengan perubahan ekonomi, budaya dan politik dan sosial. Hal ini turut ditegaskan oleh Ahmad dan Goomally (2008), iaitu perubahan dan perkembangan sistem pendidikan di Malaysia berlaku disebabkan oleh kesan globalisasi, liberalisasi, serta perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Apabila sistem pendidikan kebangsaan berubah, maka sistem Pendidikan Islam juga turut mengalami perubahan. Hal ini diakui oleh Azhar (2013), beliau menyatakan sistem Pendidikan Islam juga perlu berubah bagi mewujudkan keserasian dengan tatacara kehidupan manusia yang semakin berkembang. Kelekaan dan kealpaan terhadap perkembangan dan perubahan sistem pendidikan boleh menyebabkan masyarakat Malaysia terpinggir daripada segi akademik dan keintelektualan. Menurut beliau lagi, kemajuan dan pembangunan sesebuah negara sangat bergantung kepada karakter dan karismatik manusia yang

dilahirkan oleh sistem pendidikannya. Justeru, KPM berperanan secara khusus memastikan sistem pendidikan kebangsaan berada pada landasan yang betul dan memenuhi keperluan perubahan daripada semua aspek berkaitan pendidikan selaras dengan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan, iaitu membangunkan potensi individu melalui pendidikan berkualiti (BPPDP, 2012; Jemaah Nazir Jaminan Kualiti [JNJK], 2004; KPM, 2012b; Sidin, 2007).

Menurut Syed Mustapa dan Miskon (2011) proses pendidikan merupakan suatu cara untuk mengembangkan keterampilan, kebiasaan dan sifat yang berpotensi untuk menjadikan seseorang sebagai individu yang baik untuk masyarakat mahupun negara. Manakala menurut Idris dan Hamzah (2012) pula, proses pendidikan memainkan peranan yang sangat signifikan dalam mendidik dan mengembangkan proses penguasaan ilmu dan mendidik amalan mulia modal insan negara. Hal ini demikian adalah kerana hanya dengan ilmu akan lahir modal insan berakhlak mulia serta mampu menyumbang kepada proses pembangunan negara yang lebih mampan.

Perubahan sistem pendidikan kebangsaan turut memberi impak kepada sistem pendidikan guru secara khusus. Perubahan sistem pendidikan guru akan memberi kesan kepada kualiti dan kompetensi bakal guru yang akan dilahirkan. Merujuk kepada kajian Omar (2011) dan Wan Yaacob (2008), penggunaan istilah pendidikan guru bermula secara rasmi pada tahun 1981. Istilah ini bagi menggantikan istilah latihan perguruan yang digunakan sebelumnya. Perubahan istilah ini adalah berikutan penukaran nama Bahagian Latihan Guru kepada Bahagian Pendidikan Guru (BPG). Selaras dengan itu, maka berlakulah beberapa perubahan dalam program pendidikan guru di peringkat maktab perguruan dengan tempoh berkursus dilanjutkan daripada dua tahun kepada tiga tahun serta perubahan dalam struktur program, dan kurikulum yang diajar kepada pelajar (BPG, 2006; Wan Yaacob, 2008; Omar, 2011).

Pendidikan guru merupakan sebahagian komponen yang terpenting dalam sistem pendidikan. Pelaksanaan kurikulum yang berjaya dalam pendidikan guru adalah bergantung sejauh mana seseorang pensyarah dapat membentuk pelajarinya menjadi seorang guru yang berkemahiran, berkualiti dan kompetensi lantas berguna

kepada masyarakat dan negara. Perkara ini adalah kerana kemahiran profesional seseorang guru terletak pada kemampuannya mengaplikasikan ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang benar pada tempat dan waktu yang betul. Hal ini diakui oleh Jasmi (2010), Jasmi, Tamuri, dan Mohd Hamzah (2012), Mahamod dan Ahmad (2011) dan Wan Mokhtar (2002) bahawa sikap, nilai dan kemahiran guru memberi implikasi kepada peranan mereka bagi mewujudkan institusi tempat mereka bertugas sebagai berkualiti, cemerlang, berkesan dan berprestasi tinggi. Prestasi ataupun tahap kompetensi yang dinyatakan di sini merujuk kepada tahap pendidikan guru tersebut dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran dan sifat peribadi yang perlu dimiliki oleh seseorang guru. Akhirnya, kompetensi dan prestasi guru yang hebat ini akan mempengaruhi tindakan mereka dalam melahirkan institusi pendidikan yang berkesan.

Bagi menghasilkan guru yang profesional dan berkualiti, sudah tentu aspek pendidikan dan kualiti latihan guru di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pendidikan Guru (IPG) perlu diberi perhatian (Abu Hassan, 2008a; Kennedy, 2013; Mohd Nor, Mahamod, & Badusah, 2011; Othman, Mahamod, & Ibrahim, 2006). Justeru, semua pendidik atau pensyarah di IPTA dan IPG khususnya sedang menghadapi cabaran dalam institusi pendidikan dalam melahirkan bakal guru yang berkualiti dan cemerlang. Begitu juga dengan PPI di IPG, menghadapi cabaran melahirkan bakal guru Pendidikan Islam yang berkualiti, berkemahiran, berkesan, profesional, berakhlak mulia, pemikiran yang analitikal, kritis dan kreatif (Jasmi, 2010; Jasmi *et al.*, 2012; Syed Mustapa dan Miskon, 2011; Tamuri *et al.*, 2012a; Ya *et al.*, 2012).

Secara ringkasnya, bagi merealisasikan hasrat melahirkan guru Pendidikan Islam yang cemerlang, maka PPI di IPG perlu terlebih dahulu memiliki ciri pendidik guru yang kompeten, berkesan, profesional, pakar, cekap, berkualiti atau dengan kata lain sebagai PPI yang cemerlang. Melalui kemampuan dan kekuatan pensyarah yang kompeten seperti ini membolehkan PPI membentuk, membangun dan memantapkan persediaan bakal guru daripada aspek ilmu, sahsiah dan kemahiran sebelum mereka bertugas di seluruh negara.

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Institut Pendidikan Guru (IPG) merupakan nama baru bagi menggantikan maktab perguruan setelah institusi berkenaan dinaikkan taraf mulai 1 April 2006. Terdapat 27 buah IPG di seluruh negara yang menawarkan pelbagai kursus perguruan di peringkat sijil, diploma dan ijazah. Setelah akta AUKU yang baru mendapat kelulusan oleh Parlimen Malaysia, maka semua Institut Perguruan Guru dijadikan kampus cawangan kepada IPG Malaysia (IPGM) yang bertaraf universiti. Secara khususnya IPG dipertanggungjawabkan untuk mengajar, mendidik, membimbing dan melahirkan guru siswazah bagi sekolah rendah (BPG, 2006; Omar, 2011).

IPG mula menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) (Rendah) dengan kepujian (PISMP). Semua kurikulum yang ditawarkan di IPG adalah sama kerana telah diselaraskan format pembentukannya. Tuntutan perkembangan semasa menghendaki guru sekolah rendah bersifat generalistik dan menguasai pelbagai bidang disiplin ilmu. Matlamat program ini adalah untuk melahirkan guru sekolah rendah yang berkualiti daripada segi penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan ketrampilan profesionalisme selaras dengan FPK dan Falsafah Pendidikan Guru [FPG] (Md Nawawi, 2011; Md Nawawi, 2012; Omar, 2011).

Pensyarah di IPG dikehendaki melaksanakan lima komponen tugas, iaitu pengajaran atau kuliah, penyelidikan, penilaian pelajar, ko-kurikulum dan pengurusan praktikum (Mat Nor, 2012). Secara khususnya tugas dan peranan pensyarah di IPG adalah pengajaran/kuliah dan tutorial, praktikum (bimbingan kepada Pensyarah, guru pembimbing, penyeliaan pelajar, fasilitator program, gerak kerja kokurikulum, persediaan pengajaran dan pembelajaran, penyeliaan kerja kursus, penasihat akademik, penyelidikan ilmiah dan penulisan, latihan dalaman (Pembangunan Profesion Perguruan), pelaporan, penilaian (Pemeriksaan dan Penyelarasan Kertas), pengubalan item bank soalan peperiksaan, pengurusan dan perancangan program BPG, IPG serta moderasi (BPG, 2006; Omar, 2011).

Keperluan kepada kajian pengamalan kompetensi Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) Institut Pendidikan Guru di Malaysia adalah berkait rapat dengan tradisi ajaran agama Islam. Sesungguhnya ajaran agama Islam meliputi dan merangkumi semua aspek kehidupan umat manusia, termasuklah aspek kompetensi profesionalisme atau kerjaya yang diceburi (Jasmi, 2010). Hal ini demikian dibuktikan oleh pandangan Mohd Fakhruddin dan Suhid (2011) yang menyatakan pendidik guru atau pensyarah dalam tradisi Islam bukan sahaja berfungsi sebagai intelektual yang mencurahkan ilmu dan maklumat, tetapi intelektual yang dapat membangunkan rohani dan menyentuh nurani pelajar. Hal ini bertepatan pandangan Mohd Nor dan Wan Othman (2011) bahawa manusia mesti dipelihara agar semua aspek pada dirinya dibangunkan secara seimbang, iaitu jasmani, intelek, dan rohani. Pendidikan dilihat sebagai sempurna apabila kesemua aspek dibangunkan secara seimbang dan menyeluruh dalam kehidupan manusia.

Kompetensi PPI di IPG juga sangat berkait dengan matlamat pendidikan yang terdapat dalam Dasar Pendidikan Negara (DPN), Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Falsafah Pendidikan Islam (FPI), dan Falsafah Pendidikan Guru (FPG). Perkaitan tersebut merujuk kepada peranan yang dimainkan oleh PPI di IPG bagi melahirkan bakal guru yang percaya dan patuh kepada Tuhan, berilmu, berakhlak mulia, bertanggungjawab terhadap diri, masyarakat, agama, dan negara seperti yang dikehendaki dalam FPK dan DPN. Selain itu, PPI juga berperanan membina sahsiah bakal guru yang seimbang dan sepadu, berdaya tahan yang tinggi, beretika, serta mengajar kemahiran tertentu yang diperlukan dalam profesion seperti mana yang dihasratkan dalam FPG. Manakala bagi merealisasikan hasrat FPI pula, PPI berperanan menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah SWT yang bertanggungjawab. Berdasarkan hasrat dan matlamat FPK, FPI dan FPG, pengkaji berpandangan untuk merealisasikan hasrat dan matlamat untuk melahirkan bakal guru yang kompeten adalah menjadi tanggungjawab seorang pensyarah yang kompeten, berkesan, dan berkualiti .

Selain aspek dasar dan falsafah, kompetensi PPI juga sangat berkait dengan kualiti pelajar yang bakal menjadi guru setelah tamat belajar di IPG. Terdapat beberapa kajian yang membincangkan berkaitan isu kualiti guru baharu seperti Mohd

Sangkut (2003) menjelaskan bahawa kualiti guru baharu perlu dipertingkatkan melalui pendidikan guru yang berkualiti. Nordin *et al.* (2005) pula, menyatakan bahawa guru permulaan terapung atau tenggelam dalam profesion perguruan kerana mereka kurang mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada pendidik atau pensyarah yang berpengalaman. Pengkaji berpandangan, isu berkaitan kualiti guru baharu atau guru permulaan ini berkait rapat dengan peranan dan kualiti atau kompetensi pensyarah serta kurikulum program latihan keguruan di IPG. Hal ini terbukti kerana masih banyak pihak yang menggesa agar kurikulum program latihan keguruan diperkukuhkan dan dimantapkan (Duki, 2004; Yacob, 2005). Hal ini mendorong pengkaji untuk membuat kajian berkaitan kompetensi keilmuan dan kepakaran PPI di IPG yang berhubungkait dengan peranan mereka melahirkan bakal guru atau guru permulaan yang berilmu dan berkualiti.

Pensyarah yang bertugas di IPG memikul amanah besar dan pelbagai bagi melahirkan bakal guru yang cemerlang seperti yang dihasratkan oleh IPG. Oleh kerana itu, semua pensyarah IPG diwajibkan mempunyai kelayakan ikhtisas perguruan yang diiktiraf oleh KPM. Pensyarah memikul tugas dan tanggungjawab yang berat untuk menghasilkan guru yang profesional dan kompeten melalui latihan asas perguruan yang ditetapkan. Bakal guru akan diberi penekanan secara mendalam dalam aspek keilmuan, sahsiah peribadi dan kemahiran yang tertentu. Hal ini dipersetujui oleh Omar (2011) bahawa bagi memastikan bakal guru mendapat ilmu dan kemahiran yang mantap, maka pensyarah perlu memberi penekanan kepada aspek nilai dan amalan profesionalisme perguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran semasa melatih bakal guru.

Elemen kompetensi pengajaran dan pembelajaran pensyarah juga merupakan elemen kemahiran utama sebagai seorang pensyarah di IPG. Kajian yang dijalankan oleh Sihes dan Sarimi (2010) mengenai Gaya Pembelajaran Pelajar Program Khas Pensiswazahan Guru Besar dan Hubungannya dengan Gaya Pengajaran Pensyarah menunjukkan pensyarah yang mengamalkan gaya pengajaran pakar dengan menggunakan pendekatan proses PdP yang mencabar pemikiran dan menggalakkan persaingan dalam kalangan pelajar. Kepakaran pensyarah juga digunakan untuk menyelesaikan ketidakfahaman dalam subjek yang diajar. Menurut Sihes dan Sarimi (2010) pula, bahawa terdapat pensyarah yang sentiasa dinanti oleh pelajar dan

ada juga pensyarah yang pelajar tidak merasai apa-apa jika pensyarah tidak mengajar atau tidak masuk kelas.

Manakala Salleh (2016) pula menjelaskan bahawa setiap pensyarah mempunyai ciri dan kaedah pengajaran yang berbeza-beza. Perbezaan kaedah pengajaran ini mewujudkan perbezaan persepsi dalam kalangan pelajar terhadap keutamaan ciri dan pengajaran pensyarah yang dianggap sebagai baik dan berkesan. Pengkaji berpandangan, hal ini amat menarik dan penting untuk dibuat kajian dan penyelidikan yang mendalam mengenai amalan kompetensi pengajaran dan pembelajaran pensyarah khususnya PPI yang mendapat lantikan cemerlang di IPG.

Isu dan masalah juga terdapat dalam aspek amalan bimbingan praktikum. Kajian Mat Nor (2012) berkaitan dengan “Pola Penyeliaan Praktikum Guru Bimbingan Dan Kaunseling Sekolah Rendah” menunjukkan pensyarah penyelia praktikum mempraktikkan enam amalan semasa menyelia praktikum. Daripada enam amalan ini, amalan yang paling tidak popular adalah amalan mengarah. Mat Nor (2012) juga menyatakan faktor kekangan masa, kesibukan tugas hakiki di institut serta kekurangan pengalaman pensyarah boleh menjejaskan kualiti penyeliaan dan bimbingan pensyarah semasa melaksanakan bimbingan praktikum terhadap pelajar di sekolah. Hal ini menyebabkan Mat Nor (2012) mencadangkan agar pensyarah IPG dimantapkan ilmu pengetahuan dan kemahiran berkaitan amalan profesional khususnya amalan bimbingan praktikum sebelum dilantik menjadi pensyarah penyelia praktikum. Justeru kajian PPI ini sangat bertepatan dengan isu kualiti amalan praktikum yang dipraktikkan oleh PPI di IPG.

Seterusnya, pensyarah juga berhadapan dengan cabaran dalam aspek penyelidikan dan inovasi. Kajian Yaacob (2012) menunjukkan pensyarah atau pendidik guru di IPG masih lagi ketinggalan dan tidak menjadi amalan rutin dalam aspek penyelidikan dan inovasi. Jika diteliti secara khusus tentang kualiti pendidik Pendidikan Islam, terdapat kajian menunjukkan kualiti pendidik Pendidikan Islam kurang memuaskan berbanding dengan tuntutan agama Islam itu sendiri. Kajian yang dilaksanakan oleh Hussin, Aderi, Noh, dan Tamuri (2013), Jasmi (2010) dan Tamuri *et al.* (2012) mendapati kualiti yang kurang memuaskan ini berkait rapat dengan kelemahan penguasaan ilmu, sahsiah keperibadian yang tidak selari dengan ajaran



Islam, kurang mahir dalam ilmu pedagogi dan amalan profesional dan kurang terlibat dalam penyelidikan dan inovasi.

Berdasarkan spesifikasi tugas pensyarah IPG yang dikeluarkan oleh IPGM, jelas menunjukkan bahawa pensyarah bertanggungjawab dan mesti memberi Perkhidmatan dan Penglibatan dalam organisasi mahupun luar organisasi . hal ini bermaksud pensyarah perlu bekerjasama dengan semua pihak untuk memberi latihan pembangunan profesionalisme kepada staf akademik dan bukan akademik di dalam institut serta kepada agensi luar yang memerlukan perkhidmatan mereka (IPGM, 2012). Justeru, pengkaji berpandangan, hal ini amat bertepatan untuk dibuat kajian dan penyelidikan yang mendalam untuk melihat amalan kompetensi perkhidmatan dan konsultasi yang diamalkan oleh PPI di IPG.

Kesimpulannya, berdasarkan perbincangan latar belakang ini, pengkaji menegaskan bahawa PPI perlu lebih kompeten kerana mereka adalah model ikutan bersesuaian dengan bidang mereka dan ajaran Islam itu sendiri. Kompetensi PPI dalam aspek keilmuan, keperibadian, PdP, penyelidikan dan inovasi, serta perkhidmatan dan konsultasi yang diamalkan oleh PPI boleh membantu bakal guru yang dihasilkan melalui program pendidikan guru di IPG menjadi lebih berkualiti dan relevan dalam arus pendidikan perdana.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Pengkaji akan membincangkan pernyataan masalah dalam kajian ini berkaitan dengan isu dasar dan falsafah, isu pengajaran dan pembelajaran, isu pendidikan, isu kompetensi ilmu, isu kompetensi sikap, isu kompetensi kemahiran, isu kompetensi bimbingan praktikum dan isu penyelidikan dan inovasi pensyarah.

Matlamat FPK adalah untuk melahirkan individu yang percaya dan patuh kepada Tuhan, berilmu pengetahuan, mempunyai akhlak mulia, mempunyai tanggungjawab terhadap diri, masyarakat, agama dan negara, mempunyai sahsiah yang seimbang dan bersepadu, dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan

rakyat berbilang kaum. Falsafah Pendidikan Islam (FPI) pula bermatlamatkan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah SWT yang bertanggungjawab. FPG pula bermatlamatkan untuk melahirkan pendidik yang professional, berdaya tahan yang tinggi, beretika, memiliki idea dan pemikiran yang kreatif, mengamalkan nilai murni serta memiliki kemahiran tertentu yang diperlukan dalam profesion. Berdasarkan hasrat dan matlamat FPK, FPI dan FPG, pengkaji berpandangan untuk merealisasikan hasrat dan matlamat untuk melahirkan bakal guru yang kompeten adalah menjadi tanggungjawab seorang pensyarah yang kompeten, berkesan, dan berkualiti. Pendidik guru atau pensyarah adalah bertanggungjawab melahirkan guru yang berkualiti, berkesan dan cemerlang. Oleh itu, kajian pengamalan kompetensi PPI IPG ini akan melihat secara mendalam kompetensi pensyarah khususnya PPI daripada aspek keilmuan, keperibadian, pengajaran dan pembelajaran, amalan bimbingan penyeliaan praktikum, penyelidikan dan inovasi, serta perkhidmatan dan konsultasi yang menjadi asas kompetensi pensyarah untuk mendidik dan melatih bakal guru serta menjadi kekal relevan dalam arus pendidikan.

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 dilancarkan pada tahun 2006. Terdapat lima teras yang utama dalam PIPP (2006-2010). Merujuk kepada teras yang kelima, iaitu memartabatkan profesion keguruan, teras ini sangat berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab pensyarah bidang Pendidikan Islam di IPG. Perkaitan ini merujuk kepada tugas dan tanggungjawab untuk menambah baik sistem pemilihan calon guru, memantapkan latihan perguruan, memantapkan kerjaya guru, menambah baik persekitaran kerja serta memantapkan perancangan dan pengurusan sumber manusia (BPI, 2009). Justeru, untuk melahirkan bakal guru Pendidikan Islam yang cemerlang dan berkualiti lantas mampu memartabatkan profesion keguruan memerlukan didikan, bimbingan, tunjuk ajar dan panduan daripada pensyarah Pendidikan Islam khususnya pensyarah Pendidikan Islam yang kompeten dan berkualiti.

Merujuk kepada Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, menyatakan satu kajian antarabangsa menunjukkan kualiti pendidik merupakan faktor yang paling signifikan dalam menentukan keberhasilan

pelajar. Walaupun terdapat pendidik yang cemerlang dalam sistem pendidikan Malaysia, kajian Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) pada tahun 2011 mendapati bahawa hanya 50 peratus pengajaran disampaikan dengan berkesan. Penyampaian tidak melibatkan pelajar sepenuhnya dan cara pengajaran lebih pasif serta berbentuk syarahan. Mata pelajaran yang disampaikan lebih fokus kepada pemahaman kandungan yang tidak mendalam dan tidak memberi tumpuan kepada kemahiran berfikir aras tinggi. Berdasarkan isu ini, kerajaan melaksanakan transformasi profesion keguruan. Transformasi ini melibatkan peranan pensyarah di IPG khususnya pensyarah cemerlang untuk melatih guru pelatih melalui latihan yang sebaik mungkin dari mula mereka mengikuti program latihan sehinggalah mereka bersara (KPM, 2013b).

Persepsi guru pelatih PISMP menyatakan kompetensi pensyarah di IPG daripada aspek kelulusan akademik, pengalaman keguruan, penampilan diri, cara komunikasi, komitmen terhadap tugas, pekerti dan bersikap professional adalah pada tahap yang baik dan cemerlang. Aspek kesesuaian yang paling tinggi adalah Penampilan Diri. Namun demikian secara khususnya masih terdapat sebahagian pensyarah yang masih tidak menampilkan ciri profesional sebagai seorang pendidik guru (Laporan Lengkap Penilaian Program IPG, 2011). Berdasarkan laporan diatas, pengkaji akan melihat dan meneroka secara mendalam aspek tersebut ke atas PPI untuk melihat kesahihan persepsi guru pelatih PISMP tersebut.

Mohd Sangkut (2003) menjelaskan bahawa jemaah nazir sekolah mendapati kualiti guru perlu dipertingkatkan dan terdapat ruang untuk penambah baikan. Manakala Nordin *et al.* (2005) pula menyatakan bahawa guru permulaan terapung atau tenggelam dalam profesion perguruan kerana mereka kurang mendapat bimbingan dan tunjuk ajar daripada pendidik atau pensyarah yang berpengalaman. Hal ini dibuktikan dengan kajian Sidin (2007) yang menyebut guru permulaan di sekolah memberikan asas pengetahuan yang lemah dan melemahkan pula para pelajar. Hal ini demikian disebabkan guru permulaan tidak mendapat bimbingan yang sebaiknya semasa mengikuti latihan perguruan.

Berdasarkan isu pendidikan di atas, antara punca kepada pelbagai permasalahan yang wujud adalah kerana program latihan keguruan di IPG kurang

berkesan untuk melahirkan guru permulaan yang mampu menyepadukan aspek rohani, jasmani dan emosi dan intelek dalam pengajaran mereka. Hal ini terbukti kerana masih banyak pihak yang menggesa agar kurikulum program latihan keguruan diperkukuhkan dan dimantapkan (Duki, 2004; Yacob, 2005). Perkara ini disokong oleh kebanyakan bekas guru pelatih yang menyatakan bahawa kursus yang diikuti semasa dalam latihan perguruan terlalu bersifat teori dan kurang dapat membantu guru terutama dalam mendidik akhlak pelajar di sekolah (Hussin & Tamuri, 2007).

Menurut Othman *et al.* (2006), pensyarah di IPG perlu menekankan aspek sosialisasi profesional yang melibatkan interaksi bakal guru dengan para pensyarah. Ini kerana aspek sosialisasi dapat membantu dalam memupuk potensi mereka daripada sudut sahsiah dan keterampilan serta boleh dimanfaatkan oleh guru baharu apabila mereka bertugas di sekolah nanti. Hal ini demikian kerana sebagai guru baharu yang kurang pengalaman, mereka kurang mahir tentang cara mengurangkan beban dan tekanan yang di hadapi. Sewajarnya selaku pendidik guru, para pensyarah memiliki sahsiah, keterampilan dan inovasi yang tinggi supaya memberikan impak yang positif terhadap guru baharu. Seterusnya, apabila guru baharu memulakan tugas sebagai guru permulaan kelak, mereka pula mampu membangunkan sahsiah dan keterampilan diri, berkeyakinan dan kreatif dalam pengajaran, agar menjadi pendorong yang dapat memotivasikan pelajar di dalam bilik darjah (Omar, 2011). Oleh yang demikian, sebelum menjadi guru, pelajar yang dilatih di IPG perlu dibimbing dan dididik oleh pensyarah yang mempunyai kompetensi, cemerlang dan profesionalisme tinggi yang melibatkan sahsiah, keterampilan, dedikasi, kepekaan dan inovasi yang mampu membentuk individu berpotensi dan memiliki kemahiran insaniah serta kebolehpasaran yang tinggi (Omar, 2011).

Pensyarah IPG memainkan peranan dalam menguruskan program pendidikan guru semantap mungkin untuk melahirkan bakal guru yang berkualiti tinggi. Menurut Sidin (2000), keupayaan bakal guru dalam pembelajaran banyak bergantung kepada keupayaan pensyarah mengajar dan berkomunikasi dengan baik. Ngah (2005) juga menambah bahawa kualiti bakal guru sangat bergantung kepada keberkesanan pengajaran yang dilaksanakan oleh pensyarah kerana penyampaian kuliah mempunyai kesan yang mendalam kepada pendidikan bakal guru.

Secara umumnya, masalah dan isu berkaitan dengan pensyarah dijelaskan oleh Syed Mustapa dan Miskon (2010), iaitu terdapat enam isu berkaitan dengan etika atau sahsiah pendidik, iaitu kesantunan pendidik, kepedulian pendidik, penampilan pendidik, berniaga di pusat pengajian, pengurusan masa yang lemah dan pengurusan kewangan yang kurang baik. Ini menunjukkan terdapat pensyarah yang melakukan perkara yang bertentangan dengan etika penjawat awam.

Kajian yang dijalankan oleh Sihes dan Sarimi (2010) mengenai Gaya Pembelajaran Pelajar Program Khas Pensiswazahan Guru Besar dan Hubungannya dengan Gaya Pengajaran Pensyarah. Berdasarkan gaya pengajaran pensyarah berdasarkan Model Grasha data menunjukkan pensyarah yang mengamalkan gaya pengajaran pakar berada pada tahap tinggi. Pensyarah yang mengamalkan gaya pengajaran pakar ini menggunakan pendekatan proses PdP yang mencabar pemikiran dan menggalakkan persaingan dalam kalangan pelajar. Kepakaran pensyarah juga digunakan untuk menyelesaikan ketidakfahaman dalam subjek yang diajar.

Setiap pensyarah mempunyai ciri dan kaedah pengajaran yang berbeza-beza. Perbezaan kaedah pengajaran ini mewujudkan perbezaan persepsi dalam kalangan pelajar terhadap keutamaan ciri dan pengajaran pensyarah yang dianggap sebagai baik dan berkesan. Terdapat pensyarah yang sentiasa dinanti oleh pelajar dan ada juga pensyarah yang pelajar tidak merasai apa-apa jika pensyarah tidak mengajar atau tidak masuk kelas (A. J. Sihes & Sarimi, 2010). Pengkaji berpandangan, hal ini amat menarik dan penting untuk dibuat kajian dan penyelidikan yang mendalam mengenai ciri pensyarah dan pengajaran pensyarah khususnya Pensyarah Pendidikan Islam yang disukai dan diminati oleh pelajar di IPG.

Isu dan masalah juga terdapat dalam aspek amalan profesional. Amalan profesional di IPG melibatkan tiga komponen, iaitu Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS), Latihan Praktikum dan Internship. Kajian Mat Nor (2012) berkaitan dengan "Pola Penyeliaan Praktikum Guru Bimbingan Dan Kaunseling Sekolah Rendah" menunjukkan pensyarah penyelia praktikum mempraktikkan enam amalan semasa menyelia praktikum. Amalan tersebut adalah amalan mendidik, amalan sebagai kaunselor, amalan menilai, amalan berunding, amalan pemodelan dan amalan mengarah. Daripada enam amalan ini, amalan yang paling tidak popular adalah

amalan mengarah. Kajian ini mendapat dua aspek kelemahan pensyarah ketika penyeliaan praktikum dilaksanakan. Pertama, kelemahan daripada segi fokus penyeliaan. Fokus penyeliaan banyak ditentukan oleh persepsi pensyarah bukannya berdasarkan keperluan profesional yang diselia. Kedua, fokus yang banyak terhadap aspek penyeliaan menjadi bebanan kepada pensyarah. Hal ini demikian kerana pensyarah penyelia juga terlibat dengan proses pengajaran dan pembelajaran di IPG. Kekangan masa ini dibimbangi menjejaskan kualiti penyeliaan pensyarah. Mat Nor (2012) juga mencadangkan agar pensyarah IPG dimantapkan ilmu pengetahuan dan kemahiran berkaitan amalan profesional khususnya praktikum sebelum dilantik menjadi pensyarah penyelia praktikum. Justeru kajian PPI ini sangat bertepatan dengan isu kualiti amalan praktikum yang dipraktikkan oleh pensyarah IPG. Kajian PPI ini akan meneroka secara mendalam bentuk amalan penyeliaan praktikum oleh pensyarah cemerlang bidang Pendidikan Islam di IPG.

Isu seterusnya adalah berkaitan dengan penyelidikan dan inovasi dalam kalangan pensyarah IPG termasuklah pensyarah Pendidik Islam. Menurut Kamsah (1996) dan Syed Mustapa dan Miskon (2011) menyatakan terdapat sebahagian pendidik kurang berkemahiran dalam penyelidikan dan penulisan jurnal. Hal ini demikian disebabkan oleh budaya membaca yang kurang dalam kalangan warga pendidik. Perkara yang sama juga berlaku kepada pendidik guru atau pensyarah yang bertugas di IPG di seluruh Malaysia.

Menurut Yaacob (2011, 2012) amalan penyelidikan dalam kalangan pendidik guru atau pensyarah di IPG belum lagi menjadi amalan yang rutin. Menurut beliau lagi amat sedikit pensyarah yang membaca karya akademik seperti jurnal, prosiding, dan laporan penyelidikan apatah lagi menjalankan penyelidikan. Selain itu, beliau menyatakan bahawa amalan penyelidikan dan inovasi ini diabaikan kerana pensyarah tiada etos, tiada keterampilan, tiada minat, dan tidak mempunyai masa yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti penyelidikan. Penyelidikan juga terabai kerana pensyarah beranggapan bahawa masalah yang timbul tidak serius dan tidak perlu dikaji. Oleh itu, kajian PPI ini akan melihat aspek kemahiran amalan penyelidikan dan inovasi oleh Pensyarah Pendidikan Islam sama ada isu dan masalah ini wujud atau tidak dalam kalangan Pensyarah Pendidikan Islam.

Pengkaji juga mendapati terdapat ruang dan skop yang masih ditinggalkan oleh pengkaji terdahulu berkaitan dengan guru Pendidikan Islam disebabkan oleh ruang dan waktu yang terbatas. Walaupun kajian PPI ini secara umumnya dilihat hampir sama dengan kajian GCPI oleh Jasmi (2010), namun pengkaji mendapati terdapat perbezaan yang ketara, iaitu kajian PPI ini melibatkan pensyarah atau pendidik guru di IPG. PPI bertanggungjawab melatih para pelajar untuk menjadi bakal guru Pendidikan Islam. Selain itu, terdapat aspek yang sangat ketara perbezaannya, iaitu aspek kemahiran amalan profesional (PBS, Praktikum dan Internship), aspek penyelidikan dan inovasi khusus untuk PPI yang tidak terdapat kepada GCPI. Oleh itu, kajian PPI diharapkan akan dapat menghasilkan dapatan ciri kompetensi yang sama dan berbeza dengan kajian GCPI. Hasil kajian yang sama akan menguatkan dapatan GCPI dan hasil yang berbeza akan menjadi nilai tambah ciri kecemerlangan yang baharu.

Bagi mengukuhkan lagi alasan dan sebab kajian PPI ini perlu dilaksanakan, pengkaji menjalankan kajian awal, iaitu dengan menemubual tiga orang Pengarah IPG. Pengarah tersebut ialah Pengarah IPG Kampus Tun Hussein Onn, Pengarah IPG Kampus Perempuan Melayu dan Pengarah IPG Kampus Temenggung Ibrahim. Secara keseluruhannya, dapatan temu bual menunjukkan pensyarah cemerlang di IPG sememangnya layak dilantik sebagai pensyarah cemerlang berdasarkan kompetensi yang mereka miliki daripada sudut ilmu, kemahiran dan sahsiah peribadi. Hal ini demikian berdasarkan bukti melalui fail, folio dan dokumentasi yang disediakan. Namun, dalam aspek penyelidikan dan inovasi, pensyarah cemerlang khususnya Pensyarah Pendidikan Islam agak berkurangan.

Pertanyaan tentang keperluan kajian PPI ini dijalankan, tiga pengarah IPG kampus amat bersetuju dengan alasan yang berbeza supaya kajian ini dilaksanakan oleh pengkaji. Sebagai contoh, Onn (2014) menyatakan kajian PPI ini dapat mewujudkan satu model atau menambah ciri instrumen penilaian pensyarah cemerlang. Menurut beliau kesahan instrumen akan lebih tinggi dan sah jika ada gabungan antara *library research* dan *site research*. Hasran (2014) pula bersetuju supaya kajian ini dilaksanakan kerana kurangnya Pensyarah Pendidikan Islam di IPG. Beliau juga memberi cadangan supaya kajian lebih mendalam dibuat daripada segi melihat perkaitan antara penghasilan guru cemerlang Pendidikan Islam dengan

kecemerlangan yang dimiliki Pensyarah Pendidikan Islam. Malah beliau memberikan harapan supaya kajian ini dapat menghasilkan satu modul yang komprehensif sebagai panduan untuk menjadi Pensyarah Pendidikan Islam. Manakala Rosmin (2014) pula bersetuju kajian PPI ini dilaksanakan sekiranya objektif kajian dapat membantu dan meningkatkan prestasi pensyarah cemerlang di IPG.

Oleh itu, berdasarkan dasar, falsafah, isu, masalah, cadangan dan ruang lompang yang dibincangkan di atas, kajian ini dilaksanakan untuk melihat dan meneroka kesahihan dan kebenaran persepsi individu yang terlibat dengan pendidikan terhadap PPI. Kajian ini akan menumpukan kepada enam aspek utama kompetensi PPI. Pertama aspek kompetensi ilmu dan pengamalan yang meliputi ilmu fardu ain, ilmu fardu kifayah dan ilmu bidang kepakaran. Kedua, aspek kompetensi keperibadian yang meliputi kemahiran komunikasi dan juga sahsiah PPI terhadap Allah SWT, diri sendiri, rakan sejawat, dan pelajar. Ketiga, pengajaran dan pembelajaran yang meliputi pengetahuan dan kemahiran yang diamalkan oleh PPI. Keempat, aspek kompetensi amalan profesional, iaitu bimbingan dan penyeliaan praktikum. Kelima, aspek kompetensi penyelidikan dan inovasi. Keenam, aspek perkhidmatan dan konsultasi yang diamalkan oleh PPI.

### **1.3 Objektif Kajian**

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk meneroka, meneliti dan memahami secara mendalam berkaitan PPI yang berkhidmat di IPG. PPI dalam kajian ini merupakan pensyarah bidang Pendidikan Islam yang menerima pelantikan cemerlang daripada jemaah nazir. Kajian ini melibatkan penerokaan, penelitian dan pemahaman yang mendalam dalam aspek keperibadian, keilmuan, pengajaran dan pembelajaran (PdP), bimbingan praktikum, penyelidikan dan inovasi serta perkhidmatan dan konsultasi yang menyumbang kepada tahap kecekapan PPI tersebut. Harapan daripada kajian ini akan dapat menghasilkan satu panduan umum atau model Kompetensi Pensyarah Pendidikan Islam IPG yang boleh digunapakai oleh seluruh warga pensyarah Pendidikan Islam khususnya dan pensyarah lain amnya. Semoga model Kompetensi Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) ini boleh



dijadikan sebagai salah satu kayu ukur atau panduan bagi menentukan tahap kecemerlangan dan kompetensi mereka melatih bakal guru yang kompeten, berkualiti dan bermutu di IPG.

Secara khususnya, berdasarkan kerangka kajian Pengamalan Kompetensi Pensyarah Pendidikan Islam (PPI), kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif seperti berikut:

1. Memperincikan kompetensi kualiti keperibadian pensyarah Pendidikan Islam IPG di Malaysia.
2. Meneroka kompetensi keilmuan dan kepakaran pensyarah Pendidikan Islam IPG di Malaysia.
3. Mendalami kompetensi PdP pensyarah Pendidikan Islam IPG di Malaysia.
4. Memperincikan kompetensi bimbingan dan penyeliaan praktikum pensyarah Pendidikan Islam IPG di Malaysia.
5. Mendalami kompetensi penyelidikan dan inovasi pensyarah Pendidikan Islam IPG di Malaysia.
6. Meneroka kompetensi perkhidmatan dan konsultasi pensyarah Pendidikan Islam IPG di Malaysia.
7. Menghasilkan model-model kompetensi pensyarah Pendidikan Islam IPG di Malaysia.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

1. Apakah kompetensi keilmuan dan kepakaran pensyarah Pendidikan Islam IPG di Malaysia?
2. Apakah kompetensi kualiti keperibadian pensyarah Pendidikan Islam IPG di Malaysia?
3. Apakah kompetensi PdP pensyarah Pendidikan Islam IPG di Malaysia?
4. Apakah kompetensi bimbingan dan penyeliaan praktikum pensyarah Pendidikan Islam IPG di Malaysia?
5. Apakah kompetensi penyelidikan dan inovasi pensyarah Pendidikan Islam IPG di Malaysia?

6. Apakah kompetensi perkhidmatan dan konsultasi pensyarah Pendidikan Islam IPG di Malaysia?

### 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian pengamalan kompetensi PPI IPG Malaysia ini mempunyai pelbagai kepentingan kepada pelbagai pihak. Oleh itu, kajian ini perlu dilaksanakan secara mendalam dengan menggunakan kaedah dan teknik yang tepat untuk mendapatkan dapatan kajian. Kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat yang sangat berguna kepada pihak KPM yang secara langsung bertanggungjawab merealisasikan FPK dan dasar yang berkaitan dengan pendidikan. Kajian tentang kompetensi PPI IPG ini juga dapat dimanfaatkan oleh pihak pengurusan IPG Malaysia untuk dijadikan asas dalam memartabatkan profesionalisme pensyarah Pendidikan Islam khususnya dan pensyarah bidang lain amnya. Seterusnya akan memberi impak yang positif terhadap potensi dan tahap kompetensi guru keluaran IPG. Pengkaji akan menjelaskan secara khusus kepentingan kajian ini seperti berikut:

Melalui kajian ini diharapkan pihak KPM dapat mengenal pasti aspek kompetensi pensyarah Pendidikan Islam yang boleh membantu pihak kementerian untuk merealisasikan hasrat FPK dalam melahirkan individu yang berketerampilan dan berakhlak mulia. Hal ini demikian selaras dengan pandangan Mohamed *et al.* (2011) menyatakan bahawa pendidik atau pensyarah yang kreatif dan inovatif, bermotivasi tinggi, berhemah mulia dan kompeten diperlukan oleh institusi pendidikan bagi melahirkan bakal guru yang mampu membimbing pelajar sebagaimana matlamat FPK. Apabila seseorang pensyarah itu melaksanakan tugasnya berlandaskan ciri Falsafah Pendidikan Negara, maka bakal guru yang dihasilkan akan seimbang daripada segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Usaha mengembangkan potensi bakal guru yang seimbang dan harmonis daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani haruslah melibatkan pensyarah yang cemerlang di IPG (BPPDP, 2012; Mohamed *et al.*, 2011; Omar, 2012; Sidin, 2007).

Kepentingan dapatan kajian PPI ini juga diharapkan dapat membantu pihak IPG Malaysia mengenal pasti aspek kompetensi pensyarah Pendidikan Islam yang berada di IPG kampus untuk merealisasikan hasrat FPG yang ingin melahirkan bakal guru yang kompeten. Pihak IPGM juga dapat merancang dan melaksanakan program tertentu untuk pensyarah Pendidikan Islam yang cemerlang ini bagi meningkatkan lagi tahap kecemerlangan mereka. Hal ini selaras dengan strategi pelaksanaan pendidikan guru, iaitu menyediakan guru terlatih yang berkualiti dan kompeten dalam aspek amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran PdP berdasarkan Standard Guru Malaysia (SGM) (BPPDP, 2007, 2012; Omar, 2011;).

Selain itu, dapatan kajian pengamalan kompetensi PPI di IPG ini juga diharapkan boleh dijadikan pencetus idea kepada Unit Latihan Dalam Perkhidmatan di IPG untuk merancang dan melaksanakan kursus Latihan Pembangunan Staf yang bersesuaian untuk pensyarah cemerlang IPG berdasarkan aspek yang perlu ditingkatkan kecemerlangan. Dengan demikian, pelaksanaan latihan yang berkesan dapat menghindari daripada berlakunya pembaziran dalam sumber pendidikan seperti kos, masa dan tenaga. Hal ini selari dengan kajian Shahar *et al.* (2011) menyatakan bahawa pembangunan staf secara profesional dapat meningkatkan kecemerlangan seseorang pensyarah dalam aspek ilmu, nilai dan kemahiran dalam diri mereka. Kepentingan kajian ini juga bertepatan dengan kajian Mohd Sappri (2008), iaitu pengelasan atau mengenal pasti aspek kompetensi cemerlang adalah proses memutuskan apakah 'rawatan' yang harus diterima seseorang misalnya tindakan yang perlu diambil bagi pensyarah yang mutu kerjanya merosot.

Berdasarkan penelitian dan pembacaan, pengkaji belum mendapati wujudnya panduan atau standard khusus berkaitan aspek ilmu, sikap keperibadian dan kemahiran yang khusus mengenai pensyarah cemerlang yang boleh digunapakai oleh pensyarah lain khususnya pensyarah junior. Semoga dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan untuk menjadi pensyarah yang hebat, kompeten dan cemerlang lantas memberi kesan kepada prestasi kerja yang positif, efektif dan produktif (Wan Hasan, 2011).

Kajian ini juga diharapkan boleh membantu Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) di IPG untuk merancang bagi meningkatkan lagi jumlah PPI di IPG seluruh Malaysia. Pertambahan jumlah PPI yang cemerlang boleh dijadikan panduan, sandaran serta dipegang oleh pensyarah Pendidikan Islam yang lain. Hal ini akan meningkatkan motivasi kepada mereka untuk menjadi PPI yang cemerlang. Menurut Jasmi (2010), masalah utama pendidik Pendidikan Islam adalah disebabkan kurangnya penggerak yang menggerakkan kreativiti pendidik tersebut. Sikap rendah diri berlaku kerana kurangnya motivasi (Adlan, 2001), dan kerana kurangnya landasan untuk pendidik guru Pendidikan Islam berbincang bagi memperkenalkan inovasi PdP dalam bidang Pendidikan Islam (Alias, Yusoff, Mustapha, & Ibrahim, 2010).

Hal ini berlaku berkait rapat juga dengan jumlah PPI yang mendapat lantikan cemerlang adalah sedikit sehingga mereka tidak mampu untuk menghasilkan jumlah inovasi yang banyak. Sedangkan subjek lain ramai pensyarah yang menyumbang artikel dalam sesi seminar dan persidangan untuk memperkenalkan inovasi baru mereka. Oleh itu, kajian ini amat penting bagi JAPIM untuk menyediakan seminar dan kursus yang menfokuskan kepada kompetensi warga pensyarah Pendidikan Islam untuk mempersiapkan mereka untuk menjadi PPI yang cemerlang. Justeru, kajian ini sudah pasti menjadi *bench mark* yang utama untuk mereka pegang dalam persediaan tersebut.

Hasil kajian pengamalan kompetensi PPI ini juga diharapkan dapat memberi panduan ke arah memartabatkan profesion pensyarah Pendidikan Islam sebagai pendidik guru yang kompeten, berkualiti, berkesan, cemerlang dan disegani. Para pelajar boleh menjadikan PPI yang kompeten sebagai idola dan panduan bagi mereka untuk menjadi pendidik atau guru yang hebat, cemerlang, berkualiti dan bermutu. PPI yang kompeten akan melonjakan kredibiliti mereka sebagai pendidik yang dihormati, disegani dan disanjung. Hal ini demikian kerana kajian ini akan meneroka dan melihat secara mendalam aspek ilmu, keperibadian, serta kemahiran khusus yang dimiliki oleh PPI.

Seterusnya, dapatan kajian ini juga diharapkan dapat memberi sumbangan daripada sudut idea untuk membina instrumen alternatif penilaian kompetensi


pensyarah cemerlang yang boleh digunakan oleh Jemaah Nazir semasa membuat penilaian seperti instrumen kemahiran generik (Archer, 2004; Jemaah Nazir Dan Jaminan Kualiti, 2010; Ariffin *et al.*, 2010). Hal ini demikian kerana, dapatan kajian adalah hasil daripada penerokaan secara mendalam terhadap kompetensi PPI daripada aspek keperibadian, keilmuan, PdP, bimbingan praktikum, penyelidikan inovasi, dan konsultasi yang ada pada mereka.

Begitu juga, dapatan kajian ini diharapkan dapat menghasilkan model kompetensi Pensyarah Pendidikan Islam yang lengkap, iaitu meliputi aspek keilmuan, keperibadian, kemahiran PdP, bimbingan praktikum, penyelidikan dan inovasi serta perkhidmatan dan konsultasi. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat memberi idea, maklumat dan input baharu yang berkaitan ciri kompetensi pensyarah cemerlang untuk instrumen penilaian pensyarah cemerlang IPG oleh jemaah nazir. Harapan ini berdasarkan cadangan, pandangan dan harapan seorang pengarah IPG Kampus ketika pengkaji melaksanakan temu bual awal berkaitan kajian ini.

Sebagai kesimpulan, pengkaji sangat yakin dapatan dan hasil kajian yang berkaitan kompetensi PPI IPG di Malaysia ini akan memberi impak yang positif dan bermakna kepada banyak pihak seperti KPM, IPG Malaysia, pensyarah, guru pelatih dan lain-lain berkepentingan mengenai kajian ini.

## **1.6 Kerangka Teori Kajian**

Kerangka teoritikal dalam kajian ini dibina berasaskan gabungan Model Pendidik al-Ghazali (1939), Model Kompetensi Iceberg Hay McBer (1996), Model Triangle of Success (1998), Model *SGM* (2009), dan Model Kerangka Pengurusan Prestasi IPG (2012). Rajah 1.1. menunjukkan kerangka teoritikal kajian ini.



**Rajah 1.1:** Kerangka Teoritik Kajian Pengamalan Kompetensi Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) IPG Malaysia

Model pendidik menurut al-Ghazali (1939) boleh dirujuk dan dianalisis dalam kitabnya *Ihya' Ulum al-Din* (Al-Ghazali, 1939). Model Pendidik al-Ghazali menyatakan bahawa pendidik yang kompeten perlulah menguasai tiga komponen yang utama, iaitu komponen ilmu pengetahuan, komponen kemahiran dan komponen keperibadian. Model Komponen yang pertama, iaitu ilmu pengetahuan merujuk kepada pendidik yang memiliki ilmu agama yang mencukupi dan mantap serta diamalkan ilmu agama tersebut. Selain ilmu agama, pendidik yang kompeten juga mesti menguasai dan mantap daripada sudut ilmu yang berkaitan dengan isi pelajaran yang hendak diajar kepada pelajar. Komponen kedua pula merujuk kepada

kemahiran yang dimiliki oleh pendidik yang kompeten. Pendidik yang kompeten mestilah menguasai dan berkemahiran dalam aspek pedagogi dan aspek komunikasi. Komponen ketiga pula adalah keperibadian. Pendidik yang kompeten perlu mempunyai sifat kasihan kepada pelajar serta sentiasa berhikmah dalam tindakan. Pendidik yang kompeten perlu menyepadukan ketiga-tiga komponen ini supaya tujuan pelajar belajar dan pendidik mengajar akan berjaya dan berkesan.

Model Kompetensi Iceberg Hay McBer (1996) dalam Ibrahim (2007) menjelaskan terdapat tiga komponen kompetensi yang utama adalah pengetahuan, kemahiran dan keperibadian. Kompetensi pengetahuan bermaksud kebolehan individu meningkatkan pengetahuan secara berterusan bagi meningkatkan prestasi diri dengan berkesan. Kompetensi kemahiran pula adalah kebolehan individu tersebut menggunakan dan memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki bagi merealisasikan tugas dengan cemerlang. Manakala Kompetensi keperibadian pula adalah nilai peribadi dan perlakuan yang perlu dihayati dan diamalkan oleh seseorang individu yang bekerja.

Model '*Tiangle of Success*' diperkenalkan oleh Van Hooser (1998). Menurut Van Hooser (1998) terdapat tiga unsur yang menjadi penentu kepada kejayaan. Tiga unsur tersebut ialah ilmu pengetahuan (*Knowledge*), kemahiran (*skill*) dan sikap (*behavior*). Model ini digunapakai oleh BPG dalam merangka program latihan perguruan di IPG.

Model Konseptual Pendidikan Guru (2003) digubal berasaskan FPK dan FPG yang menekankan kepentingan tiga aspek asas, iaitu: pengetahuan, kemahiran, dan nilai yang disepadukan merentasi semua disiplin mata pelajaran serta program yang dirancang. Model ini juga dijadikan sebagai panduan dan dasar dalam program latihan perguruan di IPG seluruh Malaysia. Model Konseptual Pendidikan Guru mengutamakan kebertanggungjawaban guru kepada tiga dimensi utama, iaitu sendiri, kemasyarakatan, dan ketuhanan (BPG, 2006).

Model SGM yang dibina menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru atau pendidik dan keperluan yang patut disediakan oleh institusi yang terlibat secara langsung dalam program latihan perguruan bagi melahirkan guru

yang mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan oleh kementerian (BPG, 2009). Berdasarkan Model SGM (2009), menunjukkan hasrat KPM untuk melahirkan guru yang relevan dan kekal berkualiti. Model SGM menyatakan bahawa guru perlu memiliki asas penentuan standard dan keperluan seorang guru. Standard keperluan tersebut adalah guru perlu memiliki kemahiran PdP yang mantap, mengamalkan nilai profesionalisme yang tinggi, dan menguasai pengetahuan dan pemahaman yang baik (Mohamad Nasri, 2011; Siraj & Ibrahim, 2012).

Model Kerangka Pengurusan Prestasi IPG (2012) yang dibina menjelaskan kompetensi yang perlu dikuasai oleh pensyarah di IPG. Berdasarkan model tersebut terdapat lima komponen yang perlu dikuasai dan diamalkan oleh pensyarah di IPG. Komponen-komponen tersebut adalah komponen kualiti peribadi, komponen PdP, komponen teknologi maklumat dan komunikasi, komponen penyelidikan dan inovasi, serta komponen perkhidmatan dan penglibatan (IPGM, 2012b).


Berdasarkan perbincangan ini, pengkaji amat yakin bahawa teori atau model ini sangat bertepatan dengan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji. Daripada model ini pengkaji menghasilkan kerangka konseptual kajian ini, iaitu kajian tentang pengamalan kompetensi pensyarah Pendidikan Islam IPG di Malaysia.

## **1.7 Kerangka Konseptual Kajian**

Kerangka konseptual dalam kajian ini dibina dan diubah suai berdasarkan elemen kompetensi yang disebut dalam Model Pendidik al-Ghazali (1939), Model Kompetensi Iceberg Hay McBer (1996), Model Triangle of Success (1998), Model Konseptual Pendidikan Guru (2003), SGM (2009), dan Model Kerangka Pengurusan Prestasi IPG (2012). Kajian ini melihat beberapa elemen yang berkait rapat dan menjadi asas penting kepada kecemerlangan kompetensi pensyarah Pendidikan Islam yang bertugas di IPG Malaysia. Kerangka teori yang dibina ini adalah hasil gabungan beberapa kombinasi ciri pendidik yang kompeten, pendidik berkesan, pengajaran cemerlang dan kompetensi cemerlang yang bertugas institut pendidikan seperti universiti, sekolah dan termasuklah di IPG Malaysia. Pengkaji melihat ciri ini adalah



menjadi asas kepada kompetensi PPI dalam proses penyampaian dan perkongsian ilmu, berkemahiran dan berkompetensi serta pengamalan akhlak mulia dalam kalangan rakan sejawat dan juga kepada guru pelatih. Rajah 1.2 menunjukkan kerangka konseptual untuk kajian kompetensi Pensyarah Pendidikan Islam ini.



**Rajah 1.2:** Kerangka Konseptual Kajian Pengamalan Kompetensi Pensyarah Pendidikan Islam (PPI) IPG di Malaysia

Berdasarkan kerangka konseptual kajian pengamalan kompetensi PPI seperti mana Rajah 1.2, menunjukkan keseluruhan proses pelaksanaan kajian serta matlamat akhir kajian. Data dikumpulkan melalui temu bual terhadap PPI sendiri, ketua jabatan, rakan sejawat, dan pelajar. Data kajian adalah berkaitan dengan objektif kajian, iaitu kompetensi keilmuan, keperibadian, PdP, bimbinga praktikum, penyelidikan dan inovasi serta perkhidmatan dan konsultasi. Matlamat akhir kajian adalah dapat merumuskan ciri pengamalan kompetensi PPI IPG di Malaysia.

## 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif sahaja. Pengumpulan data dalam kajian ini hanya menggunakan kaedah temu bual sebagai alat utama mengumpul data. Manakala data sekunder yang menyokong data primer (temu bual) adalah data pemerhatian dan data analisis dokumen. Bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan data primer, maka data temu bual, data pemerhatian dan data analisis dokumen akan ditriangulasikan antara satu sama lain. Disebabkan kajian ini hanya melibatkan pengumpulan data kualitatif sahaja, maka beberapa batasan kajian perlu ditetapkan.

Pertama dalam aspek responden, kajian ini hanya melibatkan PPI yang sedang berkhidmat di IPG Malaysia sahaja. Hal ini demikian bermakna, PPI yang bertugas dalam bidang pengurusan semata-mata tanpa ada slot PdP tidak terlibat dalam kajian ini. Selain itu, hanya PPI yang mendapat lantikan cemerlang oleh jemaah nazir sahaja terlibat dalam kajian ini. Pengkaji mengeluarkan pensyarah Pendidikan Islam yang mendapat anugerah perkhidmatan cemerlang. Hal ini demikian bermakna, Pensyarah Cemerlang Bahasa Arab dan lain-lain bidang tidak terlibat dalam kajian ini sebagai responden utama. Selain itu, pengkaji membataskan PPI yang mempunyai Gred DG 48 hingga DG54 sahaja. Hal ini demikian bermakna pengkaji mengeluarkan Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam yang mendapat Gred DG44 ke bawah. Penetapan gred ini bertujuan untuk memastikan responden cukup matang dalam memberi respon terhadap soalan kajian dalam bentuk temu bual. Selain responden utama, iaitu PPI, temu bual juga akan dibuat kepada ketua jabatan, rakan sejawat, dan pelajar yang terlibat secara langsung dengan PPI bagi mendapatkan data sokongan. Justeru, batasan kajian kepada mereka adalah hanya ketua jabatan JAPIM, rakan sejawat PPI dan pelajar yang akan ditemu bual. Manakala pelajar yang terlibat dengan kajian ini juga adalah pelajar yang hanya belajar dan dinilai semasa praktikum oleh PPI sahaja.

Selain batasan terhadap responden, pengkaji juga membuat batasan terhadap fokus kajian. Untuk kajian ini, pengkaji hanya memfokuskan kepada ciri kompetensi PPI khususnya dalam aspek kompetensi ilmu, kompetensi keperibadian, dan

kompetensi kemahiran profesionalisme. Pengkaji hanya menerima data terhadap ciri yang boleh dilihat, dicerap dan dimaklumkan melalui pengakuan PPI serta apa yang pengkaji, ketua jabatan dan guru pelatih boleh lihat dengan mata lendir sahaja. Pembatasan ini disebabkan oleh kemampuan dan ruang waktu pengkaji yang agak terhad.

Kesimpulannya, kajian ini hanya melibatkan PPI Gred DG48 hingga DG 54 yang mendapat pelantikan cemerlang oleh Jemaah Nazir sahaja dan yang sedang berkhidmat sebagai pendidik guru di IPG Malaysia sahaja sebagai responden utama. Manakala maklumat daripada ketua jabatan JAPIM, rakan sejawat, dan pelajar akan dijadikan data sokongan untuk menyokong data utama.

## **1.9 Definisi Operasional**

Beberapa definisi operasional digunakan dalam kajian ini. Antara definisi yang digunakan adalah pengamalan, dalam kajian ini adalah seperti dijelaskan seperti berikut.

### **1.9.1 Pengamalan**

Pengamalan merupakan kata kerja daripada perkataan asal, iaitu amal. Menurut Ramlie dan Hussin (2014) bahawa istilah pengamalan merujuk kepada mengamalkan ilmu yang diketahui dengan cara melakukan perbuatan baik yang memberikan manfaat kepada pelakunya dan kepada orang lain serta mendapat balasan baik di dunia dan akhirat. Justeru, definisi pengamalan dalam kajian ini merujuk kepada pensyarah atau pendidik yang mengamalkan ilmu serta menunaikan, melaksanakan, dan mengamalkan sesuatu perilaku, perbuatan, pekerjaan, tugas, tanggungjawab, dan amanah dengan bersungguh-sungguh di dalam dan luar IPG. Pengamalan dalam kajian ini juga bermaksud amalan pensyarah yang berkaitan dengan hubungan dan perbuatan mereka dengan Allah SWT, manusia, dan alam.

### **1.9.2 Kompetensi**

Kompetensi mempunyai elemen yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan kualiti peribadi (Hay Mcber, 2007). Menurut Abu Hassan dan Kudus (2006) menjelaskan kompetensi sebagai kombinasi aspek pengetahuan, ciri keperibadian, perlakuan yang perlu dimiliki, dan kemahiran tertentu bagi melaksanakan sesuatu tugas atau pekerjaan. Tujuan utama kompetensi adalah untuk melaksanakan sesuatu tugas dengan cekap, baik, dan berkesan serta merupakan panduan hala tuju melaksanakan sesuatu tanggungjawab.

Manakala Jabatan Perkhidmatan Awam menyatakan kompetensi pendidikan itu merangkumi aspek peribadi, profesional dan sosial seperti pengajaran, kepakaran dalam subjek, kepakaran dalam teori yang berkaitan dengan PdP, menguruskan proses pembelajaran, adaptasi dalam komuniti dan personaliti (Siraj & Ibrahim, 2012).

Justeru dalam kajian ini kompetensi merujuk kepada kemampuan PPI untuk mengamalkan dan melakukan sesuatu tugas dengan baik dan cemerlang dalam semua keadaan dan masa. Tugas tersebut adalah menjaga keperibadian PPI, PdP, bimbingan penyeliaan praktikum, dan perkhidmatan konsultasi.

### **1.9.3 Pensyarah**

Kajian Ismail (2011) menyatakan pensyarah adalah mereka yang mengajar orang dewasa tanpa mengira persekitaran formal atau non formal sama ada sebagai jurulatih dalam latihan, pensyarah universiti dan juga penceramah agama. Omar (2011) turut menyatakan pensyarah atau pendidik guru berperanan sebagai penyampai ilmu, pemudah cara, mentor, pembimbing, penilai, pengurus, pemimpin kurikulum dan kokurikulum serta insan yang terlibat secara langsung menerapkan nilai murni dan sahsiah kepada guru. Pensyarah IPG dalam kajian ini juga dirujuk sebagai guru sepertimana takrifan yang dinyatakan dalam Mohd Ishak dan Ibrahim

(2007), iaitu orang yang menyebarkan ilmu pengetahuan di sesebuah institusi pendidikan sama ada peringkat rendah, menengah dan tinggi. Kesimpulannya, dalam kajian ini definisi pensyarah bermaksud guru atau pendidik guru yang dilantik dan disahkan serta sedang bertugas menyebarkan ilmu di IPG Malaysia.

#### **1.9.4 Pensyarah Pendidikan Islam**

PPI yang menerima pelantikan cemerlang dalam kajian ini berdasarkan Budaya Kerja Cemerlang (BKC) bermaksud pensyarah memiliki ciri profesionalisme, berupaya bekerja dalam pasukan, ciri kecemerlangan dan keunggulan, berhemah dan berwibawa dan pembelajaran berterusan. Manakala cemerlang berdasarkan Budaya Kerja Cemerlang Islam (BKCI) dalam kajian ini pula merujuk kepada pensyarah yang sumber pekerjaannya hendaklah halal, cara atau kaedah perlu bersih daripada unsur haram, hasil atau outputnya tidak membawa kepada keburukan dan dihasilkan melalui nilai yang cemerlang (Ismail, 2008, 2010).

Kesimpulannya dalam kajian ini, PPI merujuk kepada pensyarah yang mengajar bidang Pendidikan Islam serta kompeten dan cemerlang dalam aspek ilmu, sikap dan kemahiran. PPI dalam kajian ini juga merujuk kepada pendidik guru dalam bidang kepakaran Pendidikan Islam yang disahkan dan dilantik oleh Jemaah Nazir KPM. PPI dalam kajian ini juga adalah mereka yang terlibat dalam pengajaran dan amalan profesional. Gred Pensyarah Cemerlang Pendidikan Islam dalam kajian ini adalah daripada gred DG 48 hingga DG 54 yang masih berkhidmat di IPG Malaysia.

#### **1.9.5 Keperibadian**

Keperibadian dalam kajian ini merujuk kepada kualiti, personaliti dan perwatakan peribadi pensyarah Pendidikan Islam yang hendak dikaji dan diterokai. Allport (1961) personaliti yang dinamik ini akan memberi ruang kepada perubahan yang positif yang bergantung rapat dengan keadaan fizikal seseorang. Menurut Omar

(2011) menyatakan bahawa sahsiah peribadi merupakan asas atau pendorong kepada perlakuan positif dalam pelaksanaan amanah dan tugas mereka. Manakala Khairul Anuar (2012) pula menyatakan sahsiah peribadi boleh didefinisikan sebagai suatu susunan pola tingkah laku seseorang individu yang dijelmakan kemudian dipraktikan dalam kehidupan seharian.

### **1.9.6 Keilmuan**

Menurut al-Ghazali (1973) dalam Husin (2009) menyatakan ilmu adalah satu kelebihan yang ada pada diri seseorang secara mutlak tanpa dihubungkan kepada yang lain. Ilmu juga merupakan sifat kesempurnaan bagi Allah SWT dan kemuliaan bagi malaikat dan rasul-rasul. Othman (2012) menyebut bahawa keilmuan dan pendidikan di semua tahap pendidikan memerlukan tajdid supaya arus globalisasi yang melanda dapat diimbangi dengan corak pendidikan Rabbani yang menghubungkan Ilmu fardu ain dengan ilmu fardu kifayah.

Manakala menurut Hussin (2015) pula menjelaskan bahawa pendidik Muslim mesti menguasai ilmu agama, sentiasa berusaha menambahkan ilmu pengetahuan, memiliki keilmuan yang komprehensi dan menyeluruh sesuai dengan keperluan semasa, tidak jemu mengulang kaji ilmu serta mengamalkan ilmu yang dimiliki.

Justeru, keilmuan dalam dalam kajian ini merujuk kepada ilmu pengetahuan yang dimiliki dan diamalkan oleh Pensyarah Pendidikan Islam sama ada ilmu yang berkaitan ilmu fardu Ain, ilmu fardu kifayah dan ilmu bidang kepakaran profesionalisme.

### **1.9.7 Pengajaran dan Pembelajaran**

Pengajaran dan pembelajaran dalam kajian ini merujuk kepada proses penyampaian, kemahiran, ilmu pengetahuan, sikap dan nilai. Pengajaran melibatkan perubahan tingkah laku melalui penerangan, tunjuk cara, eksperimen atau gabungan kesemua tindakan itu. Pengajaran juga melibatkan sumber, pengetahuan dan kemahiran guru atau mungkin bergantung kepada bahan pengajaran. Bagi memastikan proses PdP Pendidikan Islam berkesan, maka setiap pensyarah hendaklah memberi perhatian kepada lima faktor berikut, iaitu: Pertama, memberi perhatian kepada dimensi konsep pengajaran yang Berkesan, iaitu perancangan, penyampaian, penilaian, serta dorongan dan motivasi, melaksanakan pelbagai peranan sebagai pensyarah, melaksanakan pelbagai kaedah pengajaran dalam proses PdP, mewujudkan pengurusan Bilik Darjah yang berkesan dan mempunyai komunikasi yang berkesan dan sentiasa memberi motivasi kepada pelajar (Ahmad Kassim & Haris, 2011). Definisi PdP dalam kajian ini merujuk kepada pemerhatian dan penerokaan secara mendalam kemahiran PdP yang diamalkan oleh PPI ketika mengajar pelajar di IPG.

### **1.9.8 Bimbingan Praktikum**

Bimbingan praktikum dalam kajian ini merujuk kepada suatu program yang mendedahkan guru pelatih kepada kerja lapangan yang juga satu kontinum dalam latihan perguruan praperkhidmatan di IPG Malaysia. Berdasarkan panduan yang dikeluarkan oleh BPG, bimbingan praktikum termasuk dalam komponen utama amalan profesional, iaitu Pengalaman Berasaskan Sekolah, Praktikum dan Internship (BPG, 2009). Justeru, dalam kajian ini bimbingan praktikum merujuk kepada amalan dan tanggungjawab PPI yang berkaitan dengan amalan bimbingan praktikum terhadap pelajar IPG yang menjalani praktikum di sekolah.

### 1.9.9 Penyelidikan dan Inovasi

Penyelidikan dalam pendidikan boleh ditakrifkan sebagai proses memperoleh pengetahuan baru melalui pengumpulan data dan maklumat, untuk menyelesaikan masalah pendidikan dan seterusnya digunakan untuk meningkatkan kualiti dan amalan pendidikan. Manakala inovasi menurut Hussin (2002) bermaksud modifikasi atau memperbaiki idea, pembaharuan benda, ilmu dan ciptaan kesenian budaya. Tujuannya adalah untuk memenuhi sesuatu fungsi dan citarasa yang tertentu bagi memenuhi kehendak pasaran tertentu.

Memandangkan masalah pendidikan sering berubah mengikut lokasi, suasana dan masa, maka apa juga maklumat atau ilmu pengetahuan yang baharu diperolehi dalam sesuatu penyelidikan pendidikan atau inovasi yang sedia ada mungkin tidak lagi relevan pada lokasi, suasana dan masa yang lain (Akhiar & Shamsuddin, 2011). Justeru, tujuan penyelidikan dan inovasi dalam pendidikan dilakukan dengan tujuan untuk mengkaji pola tingkah laku pelajar, pensyarah, pentadbir dan pekerja di mana-mana institusi pendidikan dan untuk membuat perubahan atau modifikasi terhadap sesuatu aspek. Penemuan atau dapatan melalui kajian dan inovasi merupakan ilmu pengetahuan baharu yang akan digunakan untuk meningkatkan pendidikan dan amalan PdP. Terdapat empat bentuk ilmu yang akan diperolehi melalui penyelidikan dan inovasi pendidikan dalam konteks IPG. Pertama, untuk meningkatkan ilmu dan kefahaman tentang apa yang berlaku di IPG dan semasa pengajaran. Kedua, untuk mengenal pasti bagaimana pembolehubah mempengaruhi tindakbalas seseorang pada masa akan datang. Ketiga, untuk mengenal pasti pembolehubah serta campur tangan (*intervensi*) yang dapat meningkatkan dan menambah baik pencapaian hasil pembelajaran. Keempat, mengenal pasti teori yang menjelaskan, menjangkakan dan mengawal fenomena untuk membolehkan berlaku peningkatan pelbagai aspek PdP (Akhiar & Shamsuddin, 2011; Yaacob, 2011, 2012). Justeru dalam kajian PPI ini, penyelidikan dan inovasi merujuk kepada sikap, amalan dan tanggungjawab PPI terhadap penyelidikan dan inovasi semasa bertugas di IPG.



### **1.9.10 Perkhidmatan dan Konsultasi**

Menurut Abd Rahim (2008) seseorang pensyarah diberi penilaian status yang lebih tinggi apabila mereka banyak terlibat dalam aktiviti pentadbiran, penerbitan buku dan artikel ilmiah, khidmat konsultasi dengan pihak luar, penyelidikan ilmiah, dan keterlibatan dalam pembentangan kertas kerja di semua peringkat. Perkhidmatan bermaksud memberi bantuan, cadangan, dan berbakti kepada pihak lain yang memerlukan. Manakala konsultasi pula bermaksud satu usaha bertukar-tukar fikiran dan pendapat bagi mendapatkan dan memberi nasihat dan pandangan kepada pihak lain yang memerlukan (IPGM, 2012).

Hal ini sangat bertepatan dengan spesifikasi tugas pensyarah IPG yang menekankan aspek memberi perkhidmatan dan konsultasi kepada pihak yang memerlukan sama ada di dalam institut mahu pun luar institut. Justeru, perkhidmatan dan konsultasi dalam kajian ini merujuk kepada amalan yang diberikan dan disumbangkan oleh PPI di dalam institut dan di luar institut.

### **1.10 Kesimpulan**

Secara keseluruhan, bab ini membincangkan pendahuluan, latar belakang, pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, kerangka teori kajian, batasan kajian dan definisi operasional kajian. Perbincangan bab ini memberi maklumat dan gambaran awal berkaitan dengan kajian selain memudahkan kefahaman terhadap penggunaan istilah yang terdapat dalam kajian ini. Berdasarkan aspek yang dibincangkan dalam bab ini, pengkaji sangat yakin bahawa kajian PPI Institut Pendidikan Guru ini sangat diperlukan dan tepat pada masanya. Hasil dapatan kajian ini dijangkakan dapat memberi impak yang positif dan bermakna kepada banyak pihak seperti KPM, IPGM, BPG dan lain-lain.

## RUJUKAN

- ‘Ali Murad, Yahya Hasan. (2003). *Adab al-‘Alim wa al-Muta‘alim ‘ind al-Mufakkirin al-Muslimin min Muntasif al-Qarn al-Thani al-Hijriy wa hatta Nihayah al-Qarn al-Sabi‘*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘ilmiyyah.
- Abd Ghani, Faizah. (2013). Profil Tret Personaliti Pensyarah Yang Cemerlang Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Berdasarkan Sistem Penilaian Pengajaran Pensyarah (PPP). *Jurnal Teknologi*, 60, 49–56.
- Abd Ghani, Nor Azian. (2012). Harapan Dan Jangkaan Pihak Sekolah Terhadap Guru Pelatih Semasa Praktikum. Dlm *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPG* (ms. 1–14).
- Abd Rahim, Rahimin Affandi. (2008). Paradigma Pemikiran Pengajian Islam Semasa: Analisis Pedagogi. *Journal of Ethics, Legal and Governance*, 4, 13–14.
- Abd Rahman, Mohd Anuar & Md Yunos, Md Yusof. (2011). *Pengetahuan, Kemahiran Dan Sikap Setiausaha Sukan Di Dalam Mengurus Sukan Sekolah*. Retrieved from <http://eprints.utm.my/11810/>
- Abdul Aziz, Nor Aishah; Abd Hamid, Mohd Zolkifli; Baharin, Nur’ain & Saliyan, Ismail. (2011). Profesionalisme Pendidik: Ke Arah Membentuk Peribadi Pendidik Yang Unggul. Dlm *Prosiding Seminar Majlis Dekan-Dekan Pendidikan IPTA 2011* (ms. 68–78).
- Abdul Ghani Azmi, Ilhaamie & Wan Ahmad, Wan Suryati. (2008). Pengaruh Sikap dan Demografi ke atas Produktiviti Kerja Pensyarah Muslim: Kajian di Universiti Malaya. *Jurnal Syariah*, 16(2), 321–344.
- Abdul Majid, Norliza. (2011). Keperluan Kemahiran Komunikasi Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Cemerlang. Dlm *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan IPG* (ms. 1–6).
- Abdul Majid, Norliza. (2014). Kreativiti Guru Melalui Komunikasi Berkesan Terhadap Kedinamikan Hubungan Sosial Di Dalam Bilik Darjah Dan Kualiti

- Pembelajaran. Dlm *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik 2014, 11-13 Ogos 2014 di Dewan Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia, Johor*.
- Abdul Rahman, Khairul Anuar. (2012). Disposisi Guru Berkesan : Personaliti Dan Kemahiran Komunikasi. *Akademika*, 82(2), 37–44.
- Abdul Rahman, Norazizah; Mohd Yusop & Noor Ashikin; Abdul Manap, Yazid. (2014). Kesedaran Pembangunan Mapan Dalam Kalangan Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim Johor. Dlm *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik 2014, 11-13 Ogos 2014*.
- Abdullah, Mohd Nasri & Jasmi, Kamarul Azmi. (2014). Characteristics of Excellent Islamic Education Lecturers in Teaching Education Institute of Malaysia. *International Journal of Psychology and Counselling*, 6(11), 145–151.
- Abdullah, Nabilah; Abdul Wahid, Rohaya; Ghazali, Ghaziah; Abdul Rahman, Shireena Basree & Nordin, Norshidah. (2010). *Ciri Penyelidikan Kualitatif*. (Noraini Idris, Ed.). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Abu Bakar, Khairul Anuar. (2014). *Tahap Kesiediaan Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Dalam Latihan Mengajar*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Tun Hussein Onn.
- Abu Hassan, Kamarudin. (2008a). Kualiti Pendidik Melalui Penyelidikan. Dlm *Seminar Penyelidikan Pendidikan JPN Wilayah Persekutuan* (ms. 1–13).
- Abu Hassan, Kamarudin. (2008b). Kualiti Pendidik Melalui Penyelidikan Pendidikan Bagi Melahirkan Guru Bijaksana Dan Berfikiran Tinggi. Dlm *Seminar Penyelidikan Pendidikan* (ms. 1–12). Jabatan Pelajaran Negeri Wilayah Persekutuan Labuan.
- Abu Hassan, Mahadi, & Kudus, Norliah. (2006). *Kompetensi Pensyarah Di Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran*. Melaka.
- Adam, Zalika & Kassim, Faridah.(2008). Kemahiran Kerja Berpasukan: Etika Dalam Pekerjaan Dari Perspektif Islam. Dlm *Seminar Kemahiran Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial, 18-19 Ogos 2008, Hotel Mahkota, Melaka*. (ms. 1–9).
- Ade-Ojo, G. O., & Sowe, N. (2011). Using Technology In The Development of A Collaborative Approach To Feedback And More Active Reflection: An Exploration of Trainee Teachers' Views. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 29, 503–519.
- Adlan, Fazida. (2001). *Tinjauan Pengaruh Latar Belakang Pendidikan Terhadap*

*Budaya Kerja dan Kualiti Perkhidmatan Pensyarah Di Politeknik. Universiti Tun Hussein Onn.*

- ADP1. (2014). Laporan Analisis Dokumen PCPI1. Analisis diadakan pada jam 10.00 pagi bertarikh 14.08.2014 di dalam bilik PCPI1; 9.00 pagi bertarikh 05.08.2014 di Perpustakaan IPGK1; 06.08.2014 di Perpustakaan IPGK1.
- ADP2. (2014). Laporan Analisis Dokumen PCPI2. Analisis diadakan pada jam 11.00 pagi bertarikh 10.08.2014 di dalam bilik PCPI2; 2.15 petang bertarikh 10.08.2014 di dalam bilik PCPI2; 11.20 pagi bertarikh 11.08.2014 di dalam bilik PCPI2; 11.00 pagi bertarikh 14.08.2014 di dalam bilik PCPI2.
- ADP3. (2014). Laporan Analisis Dokumen PCPI3. Analisis diadakan pada jam 10.15 pagi bertarikh 23.10.2014 di dalam bilik JAPIM wanita.
- ADP4. (2014). Laporan Analisis Dokumen PCPI4. Analisis diadakan pada jam 9.15-11.00 pagi di bertarikh 03.10.2014 di dalam bilik PCPI4.
- ADP5. (2015). Laporan Analisis Dokumen PCPI5. Analisis diadakan pada jam 9.00 pagi bertarikh 02.02.2015 di dalam bilik PCPI5.
- ADP6. (2015). Laporan Analisis Dokumen PCPI6. Analisis diadakan pada jam 8.00-12.00 pagi bertarikh 11.02.2015 di dalam bilik JAPIM.
- ADP7. (2015). Laporan Analisis Dokumen PCPI7. Analisis diadakan pada jam 2.00-4.45 petangi bertarikh 01.04.2015 di dalam bilik PCPI7.
- ADP8. (2015). Laporan Analisis Dokumen PCPI8. Analisis diadakan pada jam 7.30-9.30 pagi bertarikh 27.04.2015 di dalam bilik PCPI8; 9.30-11.00 pagi bertarikh 29.04.2015 di dalam bilik PCPI8.
- Ahmad Kassim, Mustapha Kamal, & Haris, Zahiah. (2011). Pendidikan Islam Kursus Perguruan Lepas Ijazah di Institut Pendidikan Guru Malaysia: Kaedah dan Proses Pengajaran dan Pembelajaran yang Berkesan. *Jurnal Kajian Pendidikan (ATIKAN)*, 1(2), 279–294.
- Ahmad Zamri, Khairani; Ab. Razak, Nordin; Ahmad, Mohammad Zohir (2012). Tugas dan Tanggungjawab Guru Pembimbing dari Perspektif Guru Pelatih. *Majlis Dekan Pendidikan Malaysia (MDEC)*, 12, 13–21.
- Ahmad, Anuar, & Jingga, Nelson. (2015). Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru Dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2), 1–11.
- Ahmad, Jamil, & Goomally, Norlia (2008). Pentadbiran dan Pengurusan Sistem Pendidikan Malaysia Ke Arah Pendidikan Berkualiti. Dlm *Panitia Diklat*

- Mahajemen Guru Internasional 2008, 4-5 Jun 2008.* (ms. 1–36). 4-5 Jun 2008.
- Ahmad, Siti Fatimah, & Tamuri, Ab Halim. (2010). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j-QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 53–64.
- Akhiar, Pardi & Shamsuddin, Shamsina. (2011). *Pengantar Penyelidikan Tindakan*. Selangor: Penerbitan-Multimedia Sdn. Bhd.
- Alavi, Khadijah; M. Sail, Rahim; Ahmad, Anwar; Tarjo, Shamsul Shah; Abdul Razak, Nor Ellina (2012). Kecerdasan Sosial Dan Emosi Guru Cemerlang Pendidikan Islam Dalam Meningkatkan Prestasi pelajar. *Journal of Social Sciences and Himanities*, 7(1), 94–104.
- Alexander, R. (2012). *Policy and Practice in Primary Education* (Vol. 12). London: Routledge.
- Alexander, R. . (1984). *Primary Teaching*. London: Holt, Rinehart & Winston.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1939). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Mesir: Matba'ah Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1973). *Ihya' 'Ulum al-Din*. Kaherah: 'Amal Kitabi al-Arabi.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (2012). *Mukhtasar Ihya'Ulumiddin*. (Ibnu Yasin, Ed.). Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa.
- Ali, Marlina & Noordin, Shaharom. (2010). Hubungan Antara Kemahiran Berfikir Kritis Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Teknologi*, 52, 45–55.
- Alias, Bity Salwana; Yusoff, Ahmad Basri; Mustapha, Ramlee & Ibrahim, Mohammed Sani. (2010). Analisis Kompetensi Pengetua Berdasarkan Kualiti Peribadi, Pengetahuan, Kemahiran dan Amalan dalam Bidang Pengurusan Sekolah Menengah Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 31–41.
- Al-Jauziyyah, Ibnul Qayyim. (2005). *Manajemen Qalbi*. (A. H. Umar Arifin, Ed.). Jakarta.
- Al-Qasimi ad-Dimasqi, Muhammad Jamaluddin. (2006). *Intipati Ihya' Ulumuddin*. Kuala Lumpur: Darul Fajr.
- Amzah, Fadzilah & Amzah, Rodhiah. (2011). Meningkatkan Kemahiran Insaniah Bakal Guru Di Universiti Sains Malaysia Melalui Projek Kemasyarakatan. Dlm *Prosiding Seminar Majlis Dekan-Dekan Pendidikan IPTA 2011* (ms. 1132–1143).

- Arbaa, Rohani; Jamil, Hazri & Abd Razak, Nordin. (2010). Hubungan Guru-Pelajar Dan Kaitannya Dengan Komitmen Belajar Pelajar : Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran Antara Jantina Pelajar?. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 61–69.
- Archer, J. A. (2004). *Characteristics of an Effective Teacher of Reading in an Elementary School Setting*. Thesis PhD. Louisiana State University.
- Ariffin, Siti Rahayah; Ahmad, Jamil, & Najmuddin, Nur'asyiqin. (2010). Pembangunan Instrumen Kemahiran Generik Pelajar Berasaskan Penilaian Pensyarah dengan Menggunakan Model Pengukuran Rasch Pelbagai Faset. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2), 43–50.
- Awang, Idris & Abd Rahim, Rahimin Affandi. (2006). Sorotan Kajian Lepas : Teori Dan Amalan. *Jurnal Fiqh*, 3, 133–156.
- Awang, Mohd Isha; Daud, Yaakob; Don, Yahya & Kassim, Abd Latif. (2013). Amalan Pengajaran Guru KAFA Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Kelas Fardu Ain (KAFA) di Negeri Kedah Darul Aman. Dlm *Seminar Kebangsaan Kali Ke IV Majlis Dekan IPTA 2013, 23-25 September 2013 di UIAM Kuala Lumpur*.
- Azhar, Alias. (2013). Pendemokrasian Sistem Pendidikan Islam Di Malaysia : Satu Tinjauan. *Jurnal Kajian Pendidikan (ATIKAN)*, 3(1), 59–72.
- Azis, Abdul. (2014). Kompetensi Guru Dalam Penggunaan Media Dengan Mutu Pendidikan. *Jurnal Pelopor Pendidikan*, 5(1), 49–58. Retrieved from <http://www.stkipggrismmp.ac.id/jurnal-pelopor-pendidikan-3/>
- Berg, B. (2008). *Qualitative Research Methods For The Social Sciences*. (4th ed.). California: Allyn And Bacon.
- Bogdan, R., & Biklen, S. K. (2007). *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theories and Methods*. (4th ed.). New York: Pearson Education Group.
